



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 25 BILANGAN 35

RABU 27HB OGOS, 1980.

رابو 15 شوال 1400

PERCHUMA

PENUNTUT2 DI-SERU MEMAHAMI "REALITY" NEGARA

**BANDAR SERI BEGA-
WAN.**—Thema 'Penuntut
yang berilmu dan ber-
iman' itu ada-lah sa-bagai
pemyataan harapan ter-
hadap penuntut2 yang kini
sedang melanjutkan peng-
ajian mereka di-seberang
laut.

Harapan tersebut ber-
tambah di-tekanan lagi
dengan menilik keduduk-
an penting penuntut2 itu
sa-bagai kumpulan orang2

muda yang merupakan te-
naga terpelajar dan terla-
teh dalam bidang ma-
sing2.

Ini telah di-tegaskan
oleh Penasehat Umom
Duli Yang Maha Mulia,
Yang Teramat Berhormat
Pehin Orang Kaya Laila
Setia Bakti Diraja Dato
Laila Utama Awang Isa,
ketika berucap merasmi-
kan Kursus Sivik Pe-
nuntut-penuntut Seberang

Laut kali ke-5 yang
telah di-langsungkan di-
Pusat Belia sini malam
Isnin lepas.

Kursus tersebut di-an-
jorkan oleh Bahagian Pe-
nerangan, Jabatan Setia
Usaha Kerajaan dengan
kerjasama Jabatan Hal
Ehwal Ugama, Jabatan
Pelajaran, Jabatan Kebaji-
kan, Belia dan Sokan dan
Pejabat Daerah Tembu-
rong.

Menurut Yang Teramat
Berhormat, pelajaran dan
latihan yang di-perolehi
oleh tenaga2 terpelajar dan
terlatih itu tentu akan
mendatangkan faedah ka-
pada diri sendiri, keluarga,
masyarakat dan negara.

Dalam hubungan men-
jamin faedah2 yang di-
harapkan itu supaya ia-
nya sa-chuchok dengan
chorak dan realiti negara,
tentu-lah wajar penuntut2
itu bersedia melengkap-
kan diri masing2 dengan
beriman kepada Allah
s.w.t. sa-bagai pendorong
kapada kemahuan men-
chapai kejayaan dan men-
jadi benteng yang kukuh
ketika di-gugat oleh ber-
bagai chabaran dan chu-
baan dan juga menjadi
pedoman ka-jalan yang lu-
rus, jelas Yang Teramat
Berhormat lagi.

Tambah-nya, bukan-lah
thema kursus ini di-maksud-
kan sa-bagai menekankan
sangkaan2 yang penuntut2
di-seberang laut itu sahaja yang
memerlukan dorongan iman,
benteng iman dan pedoman
iman. Pada hakikat-nya, kita
sekalian ada-lah masing2 me-
merlukan-nya. Sebab masing2
kita di-wajibkan beriman dan
kewajiban itu sentiasa kita
junjong tidak terbatas kapada
tempat dan masa.

Lihat muka 18



YANG Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa berbual mesra dengan penuntut2 sa-jurus sa-telah merasmikan Kursus Sivik Penun-
tut2 Brunei di-Seberang Laut pada malam Isnin lalu.

Rundingan2 ka-atas tanah wakaf di-Mekah

**BANDAR SERI BEGA-
WAN.**—Rundingan2 se-
dang berjalan antara pe-
hak Kerajaan Kebawah
Duli Yang Maha Mulia
dengan pehak Kerajaan
Arab Saudi mengenai di-
ngan pentadbiran tanah
wakaf Al-Marhum Sultan
Muhammad Tajuddin di-
Mekah.

Brunei berhasrat supaya
tanah wakaf tersebut akan
dapat di-tadbirkan oleh
pehak-nya atas sebab2
yang tanah itu ada-lah
wakaf Al-Marhum Sultan
Brunei yang memerintah
kira2 dalam tahun 1804.
Tanah tersebut beserta de-
ngan rumah yang terdapat di-
atas-nya telah di-wakafkan
oleh Al-Marhum bagi kegu-
naan kebajikan jemaah2 haji
Brunei untuk tinggal di-atas-
nya di-sepanjang menunaikan
ibadah haji pada sa-tiap ta-
hun.

Al-Marhum Sultan Mu-
hammad Tajuddin Ibnu Al-
Marhum Sultan Omar Ali
Saifuddin (I), Sultan Brunei
yang ke-23 telah mewakafkan-
nya pada 15hb. Jamadil Aw-
wal, tahun 1224 hijrah ia-itu
kira-kira 176 tahun yang lalu.
Menurut sumber rasmi

bahawa tanah dan rumah
wakaf itu terletak di-Kam-
pong Shamiah yang sangat
berdekatan dengan Masjidil
Haram.

Di-fahamkan bahawa ke-
luasan tanah itu belum dapat
di-pastikan, kerana menurut
surat wakaf tersebut keluasan
tanah itu hanya di-sebut me-
lalui sempadan2, kerana pada
zaman itu geran tanah tidak
di-sukat melalui batu2 tanda
saperti yang biasa pada masa
ini.

Bagaimanapun, sumber
rasmi itu memberi tahu ba-
hawa ukuran yang belum di-
sahkan menganggarkan yang
keluasan-nya ia-lah kira2 0.22
ekar.

Mewakili Kerajaan Brunei
dalam rundingan itu ia-lah
Mufti Kerajaan, Yang Di-
Mulikan Pehin Datu Seri
Maharaja Dato Seri Utama
Awang Haji Ismail bin Omar
Abdul Aziz dan Pegawai Uga-
ma Kanan, Malai Haji Ahmad
Murad bin Malai Haji Mash-
hor.

Menyertai rombongan yang
berlepas pada hari Sabtu lalu
itu ia-lah Awang Haji Ahmad
dan Awang Haji Md. Zain.

Lihat muka 18

Kursus Sivik di-hasratkan untuk meningkatkan kesedaran bernegara

**BANDAR SERI BEGA-
WAN.**—Kursus Sivik bagi
penuntut2 seberang laut
yang di-anjorkan sa-jauh
ini di-hasratkan untuk me-
mupok dan meningkatkan
kesedaran serta rasa tang-
gong-jawab bernegara dan
berkerajaan yang betul.

Kerana hal ehwal ber-
negara dan berkerajaan
perlu di-fahami dengan je-
las dan betul pada meng-
gerak dan membangkitkan
kesedaran yang berpatutan
serta rasa tanggung-jawab
yang konstruktif dalam ke-
dua2 perkara itu.

Demikian telah di-tekan-
oleh Ketua Pegawai Pe-
nerangan, Awang Haji Ba-
daruddin bin Pengarah
Haji Othman ketika ber-
ucap di-majlis pembuka-
an rasmi Kursus Sivik Pe-

Oleh :
JAAFAR IBRAHIM



Awang Haji Badaruddin

nuntut2 Seberang Laut kali
yang kelima yang telah di-
adakan di-Pusat Belia di-
sini pada malam Isnin
yang lepas.

Awang Haji Badaruddin
menjelaskan pada mende-
kati pencapaian kesedar-
an dan tanggung-jawab
bernegara, memang-lah
menghadapi masalah2
yang memerlukan peng-
huraian yang mungkin ber-
ubah mengikut masa dan
kehendak2 yang berbang-
kit.

Semenjak tahun lepas, tam-
bah-nya, kursus ini serba sedi-
kit telah memilih chara dan
chorak pendekatan-nya yang
berlainan dari waktu2 sa-
belum-nya semata2 bermaksud
pada lebih mengesankan ke-
dua2 unsur2 tersebut sesuai
dengan permasalahan yang
di-tempoh ketika ini.

Mithal-nya, kata Ketua Pe-
gawai Penerangan itu lagi
ator-chara unsur2 keugamaan
lebih di-tekanan dalam kur-
sus kali ini berdasarkan keya-
kinan bahawa kesedaran dan
tanggung-jawab bernegara serta
berkerajaan bagi kita
orang2 Brunei sudah terbukti
kukuh lagi padu apabila di-
rangsi atau berinspirasi oleh
pegangan serta amalan ber-
ugama sa-chara yang betul.

"Sejarah negeri dan bangsa
kita menjadi saksi akan ke-
benaran hakikat ini dengan
sa-jelas-nya bahawa baik di-
zaman silam ketika meng-
hadapi gugutan asing atau di-
zaman ini ketika menempoh
saat2 yang menchemaskan,
pegangan dan amalan ber-
ugama-lah yang memberang-
sang datok nenek kita tampil
berjuang mempertahankan ke-
utuhan serta kedaulatan ne-
gara dan memberi keinsafan
yang chukop bagi segera me-
mulehkan dari keadaan yang
menggugat sikap serta keya-
kinan terhadap masa depan-
nya di-tahun2 60an," ujar-nya.

Oleh sebab itu-lah, tema
kursus kali ini di-sengajakan
dengan ungkapan kata 'Pe-
nuntut yang berilmu dan ber-
iman pemimpin hari esok'
yang sa-bahagian besar-nya
bertujuan untuk menarek per-
hatian penuntut2 yang ber-
potensi baik di-masa hadapan
supaya tidak melupakan haki-
kat tersebut.

Tujuan ini sama sekali ti-
dak menyempitkan jalan yang
di-tempoh atau mengkaburkan
matalamat yang di-tuju malah
sa-balek-nya akan menyink-
kap lagi pandangan luas dan
jauh ka-hadapan di-mana sa-
benar-nya negeri dan bangsa
kita di-kenal sa-bagai negeri
dan bangsa yang kuat ber-
pegang kapada ugama.

Lihat muka 18

Manis-nya Iman

"TIADA-LAH suatu yang
lebih utama sa-bagai pe-
ninggalan oleh sa-orang
yang belayar kapada ke-
luarga-nya daripada sem-
bahyang sunnat dua ra-
ka'at yang di-kerjakan-
nya di-sisi mereka ketika
dia hendak belayar." —
HADITH Nabi riwayat
At-Tabrani daripada Al-
Muqattam bin Al-Miq-
dam.



PENGENALAN gambar (dari kiri) YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail, Malai Haji Ahmad Murad, Awang Haji Ahmad dan Awang Haji Md Zain.



Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

27HB OGOS, 1980

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

PENUNTUT YANG BERILMU DAN BERIMAN

PENUNTUT2 yang mengaji di-seberang laut yang telah dan yang akan mengikuti kursus sivik sampama ini tentu lebih faham mengenai hakikat kursus itu di-anjarkan. Kerana penuntut2 yang dimaksudkan itu ada-lah juga di-sifatkan duta tidak rasmi negara kita di-luar negeri. Dan sa-bagai duta tidak rasmi itu tentu sekali mempunyai pemahaman serba sedikit, umpama-nya tentang adat istiadat, kebudayaan, pengetahuan kenegaraan dan mengenai kesedaran memelihara keselamatan negeri kita Brunei sa-waktu berada di-luar negeri. Aspek2 ini-lah yang amat penting di-fahami dengan baik oleh penuntut2 itu bagi menimbulkan satu bentuk kesedaran bernegara dengan menghormati serta menaruh rasa bangga bahawa kita punya negara, bangsa, bahasa dan kebudayaan sendiri.

Penuntut2 kita yang sedang mengaji di-seberang laut itu sa-lain dari sa-bagai duta tidak rasmi maka mereka itu juga mempunyai kedudukan penting sa-bagai tenaga muda yang di-harap-harapkan bagi mendukung serta menjunjong hasrat dan aspirasi2 negara di-bawah pimpinan yang bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan Kerajaan Baginda.

Maka itu, saperti yang telah di-tekanakan oleh Yang Teramat Berhormat Penasehat Umom Duli Yang Maha Mulia, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa, ketika menyampaikan ucapan dan merasmikan Kursus Sivik Penuntut2 Seberang Laut kali ke-5 pada hari Ahad 24hb Ogos yang lalu, mengharapakan bahawa penuntut2 yang belajar di-seberang laut itu ada-lah di-hasratkan akan merupakan tenaga terpelajar dan terlatih dalam bidang masing2. Dan pelajaran serta latihan itu tentu-lah akan mendatangkan faedah kepada bangsa dan negara sa-chuchok dengan chorak dan realiti negara kita Brunei pada keseluruhan-nya.

Dalam hal ini tentu-lah tidak keterlaluan kalau kita katakan bahawa penuntut2 yang terpelajar, berilmu serta beriman kepada Allah di-yakini akan menjadi pendorong yang sa-jati kepada kemahuan menchapai kejayaan, menjadi benteng yang kukuh ketika di-gugat oleh berbagai2 chubaa dan chabaran.

Kursus Sivik Penuntut2 Seberang Laut ini juga di-hasratkan bagi memahami dan menyedarkan penuntut2 itu pada menyumbangkan tenaga mereka masing2 sa-laku penuntut dan raayat yang terpelajar dan terlatih. Pemahaman dan kesedaran mereka pada peringkat sekarang sa-waktu maseh dalam pengajian itu nanti akan dapat di-jangkakan memberikan kesan yang positif ka-arrah pembangunan bangsa, negara dan ugama yang lebih pesat.

Tepat sekali saperti ungkapan kata : "Tak payah di-tanya apa Kerajaan kita telah tolong kepada penuntut2 — tapi tanamkan-lah di-sanubari penuntut2 apa yang penuntut2 patut sumbangkan kepada bangsa, negara dan ugama sa-kembali penuntut2 itu ka-tanah ayer nanti".

Thema kursus kali ini, "Penuntut yang berilmu dan beriman" bertujuan untuk menarek perhatian penuntut2 peserta kursus yang terdiri dari tenaga2 muda ia-itu penuntut2 yang berpotensi — ia-nya tidak sama sekali akan menyempitkan jalan yang sedang di-tem-poh oleh penuntut2 itu dan di-sebalek-nya akan menyingkap lagi pandangan luas dan jauh ka-hadapan di-mana sebenar-nya negara dan bangsa kita di-kenal dan di-ketahui sa-bagai negara dan bangsa yang berpegang tegoh kepada ugama sa-lari dengan hasrat dan chita2 Kerajaan Duli Yang Maha Mulia.

PADA HEMAT SAYA.....

Motor tambang

TUNTUTAN-NYA MUNASABAH CHUMA CHARA-NYA SALAH

BERIKUTAN dari harga minyak petrol di-naikkan pada minggu lepas terjadi-lah sa-macam keributan yang sama sekali tidak di-duga dan di-jangka.

Sa-betul-nya saiz kejadian itu kecil saja. Chuma sebutan-nya besar dan hebat.

Ia kecil sebab ia berlangsung dan selesai dalam waktu yang singkat. Apa lagi orang yang terlibat pun chuma-lah beberapa kerat.

Tapi ia menjadi besar dan hebat sebab ia di-ris-takan dengan sebutan: 'Mogok' — ya! "Motor tambang di-Kampung Ayer mogok!"

Puncha-nya bermula apabila ada di-antara penumpang2 di-katakan enggan membayar tambang lebih yang di-tuntut oleh penambang2. Khabar-nya, penambang2 menuntut tambahan tambang antara 10 sen membawa ka-20 sen bagi tiap2 sa-orang penumpang tertalaok kepada jarak perjalanan.

Tambahan sa-banyak yang mereka 'tetapkan' itu boleh di-katakan munasabah. Sebab sa-belum itu harga sa-gelen minyak untuk enjin motor sangkut chuma \$1.50 tapi kini naik menjadi \$2.30, ia-itu tambahan sa-banyak 80 sen!

Dan tentu-lah munasabah juga apabila di-timbangkan bahawa mereka itu tentu-nya berhak mendapat faedah dan hasil dari 'pekerjaan' menambang itu.

* * *

DUKACHITA sekali tuntutan dan pertimbangan yang munasabah begitu tidak di-buat dengan chara yang betul.

Apa-kah perlu-nya ada di-antara mereka bertindak di-luar dari 'kamus' perkhidmatan motor tambang?

Bukan-nya orang2 kita yang sepenoh-nya menggunakan perkhidmatan motor tambang sambat malam hari itu sudah tidak berhati perut sa-hingga ada di-antara penambang2 bertindak sa-chara tidak berhati perut juga?

Bukti-nya: sejak sa-belum kejadian itu lagi sudah ada penumpang2 yang 'mematutkan' (bukan 'menetapkan') tambang yang mereka bayar dengan kenaikan harga minyak. Ertinya: penumpang2 sudah ada yang bersedia untuk tidak berkira sangat menambah bayaran tambang untuk perkhidmatan pengangkutan yang mereka perlukan itu.

Sayang-nya, sa-tengah2 penambang pula ada di-antara-nya yang terlalu sangat berkira dan tidak bersedia menunggu tambang biasa itu berubah sa-chara lichen sa-hingga sa-tengah2 mereka mengengahkan rakan2 'sa-jawat'-nya untuk memileh chara lain menuntut tambang itu.

Dan chara yang mereka pilih itu sama sekali waleh dalam ma'ana tidak pernah termaktub dalam 'kamus' perkhidmatan menambang, ia-itu 'mogok' atau apa saja saperti 'boikot' dan 'ancham'. Akibat-nya terjadi-lah keributan dan keadaan panik apabila beratus2 orang terkandas di-Tambing BSB dan di-Lanting2 Kampung Ayer.

* * *

MESKI PUN tindakan dalam ertikata 'mogok' atau 'boikot' atau 'ancham' itu sudah lumrah di-dengar dan di-bacha tapi ia bukan

chara orang2 kita menyelesaikan masa'alah. Yang lumrah di-dengar dan di-bacha mengenai-nya itu ia-lah chara orang lain.

Barangkali masa'alah-nya sama atau hampir serupa di-mana2 ia-itu masa'alah menuntut — menuntut dan desak — mendesak.

Tapi agak-nya ada yang sudah lupa akan kata2 'lain padang lain belalang-nya, lain lubok lain ikan-nya'.

Atau orang2 kita ada yang sudah mendapati dan meyakini betapa di-dunia sekarang belalang tidak lagi memileh padang, ikan tidak lagi memileh lubok!

Al-ma'alum-lah saja kalau memang-nya padang dan lubok itu sendiri masing2 sudah boleh dan biasa dengan ubah-suai rumput dan ayer-nya bagi menerima apa saja jenis belalang dan ikan.

Apa begitu-kah sa-hingga chara orang lain dalam tuntutan — menuntut dan desak — mendesak sudah ada orang kita yang berkenan mengikut-nya?

Chuma perlu-lah di-ingat, dalam soal mengikut2 chara orang itu bukan-nya saperti mengikut2 feshen dalam hal pakaian yang senang berubah menurut selera pada musim2-nya. Sebab sa-panjang yang saya yakini kalau bercharakan chara orang, baik orang yang

"atau orang2 kita ada yang sudah mendapati dan meyakini betapa di-dunia sekarang belalang tidak lagi memileh padang, ikan tidak lagi memileh lubok!"

jauh mau pun dekat — dalam mencari penyelesaian masa'alah menuntut — menuntut dan desak — mendesak itu sudah lama kita tidak lagi menyebut2 kampung halaman kita dan negeri kita ini 'Darus-salam' — dalam ertikata-nya yang sa-benar: aman tenteram dan sejahtera!

* * *

SUNGGUH PUN kes motor tambang mogok itu telah selesai begitu saja dalam waktu yang singkat (tidak pun sampai 24 jam!) dan saya dapat menjangkakan ada orang tidak sangat ambil pusing atau tidak merasa mustahak meristakan-nya, tapi elok jua-lah kalau ia di-hemat-hemati.

Betul ia chuma keributan kecil.

Liebat-nya dan besar-nya kejadian itu chuma pada sebutan-nya.

Tapi sebutan-nya itu besar dan hebat sebab ia telah menampakkan riak2 biasa.

Kalau orang yang turun naik di-tempat kejadian-nya itu sa-lama ini sudah terbiasa dengan riak alun ombak buatan yang datang dari motor2 tambang yang melancar deras sebarang-menyebarkan, apa-kah mereka itu sekarang sudah mula di-kenalkan dengan sa-macam lagi riak alun ombak yang bila2 masa saja boleh 'di-buat' kalau perlu bagi meningkah arus tenang di-perayeran sungai?

Hendak-nya tidak-lah pula nanti ada orang berbangga apabila sa-lepas itu atau sa-rentak dengan itu akan 'kadangan' kepada banyak orang di-laut dan di-darat bahawa ombak di-pesisiran Kampung Ayer gigi-nya puteh bukan lagi sa-takat buih...! —Ketua Pegawai Penerangan.



MOTOR2 tambang di-Tambing Bandar Seri Begawan: Penambang dan penumpang patut mengekalkan persefahaman dalam masing2 memberi — menerima perkhidmatan.

HIS HIGHNESS'S BIRTHDAY CELEBRATION

BANDAR SERI BEGAWAN.—In order to celebrate the birthday of His Highness the Sultan and Yang Dipertuan, a lot of programmes and competitions will be held throughout the State very soon.

In the Brunei-Muara District, a tug-of-war contest will take place on

September 5 at the Town Padang here.

A spokesman for the organising committee last week said that all the entries should be in not later than August 31.

This is the first time that all the schools and colleges are welcome to participate in the game.

Meanwhile, silat and kuntau (martial arts) competitions will also be held in the district at the end of this month.

But, the contests are only open to the Brunei citizens in this district only.

And, the same contests will be held on August 31 in the Belait District.

The competitions, open to the residents in the district, will take place at the Kuala Belait Civic Centre, starting at 9.00 a.m.

Price of cooking gas

BANDAR SERI BEGAWAN.—The price of cooking gas throughout the State remains unchanged.

A Brunei Shell Marketing Company's statement last week said that the government had decided to control the price of cooking gas.

The prices of cooking gas are as follows:—

Ten dollars for a 26-pound cylinder and \$34.56 for a 96-pound cylinder.

But, the statement added that as the fluctuations of prices are tremendous in the world markets, hence the prices in future, either up or down, will be passed on to the consumers in line with the normal commercial practice.


G.A. addresses students

BANDAR SERI BEGAWAN.—A course was held on Sunday for Brunei students studying overseas.

The General Adviser to His Highness the Sultan and Yang Dipertuan, YTB Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa, addressed them at the opening ceremony of the course, held at the Youth Centre here.

The course was sponsored by the Information Section of the State Secretariat.

It was attended by about 113 students.



The remains of Awang Hassan's house after being gutted by fire.

A house gutted by fire

KAMPONG LAMBAK.—A house here was gutted by fire on Thursday.

The flames started at about 9.00 a.m. In spite of the prompt arrival of three fire engines from the capi-

tal within minutes of the blaze, the house was destroyed.

The owner of the house, Awang Hassan bin Latif, a PWD employee, his wife and two children, who were at home at the time of fire, escaped unhurt.

The Controller of Fire Brigade, Mr Douglas Faulkner, who was at the scene said that the public should observe precautions

against fire.

He added that they must be careful in handling the electrical equipment, gas cylinders and avoid burning rubbish close to a building.

And the consumers should report any faults of electrical appliances to the Electrical Department immediately and ask the department to act promptly, he concluded.

Births and deaths

BANDAR SERI BEGAWAN.—The rate of births is declining in Brunei.

More and more couples are now applying family planning.

As a result, fewer babies

were born during the first six months of this year than the corresponding period last year.

According to the Registrar of Births and Deaths, there were 2778 births during the first six months of this year, 55 less than the same period last year.

The majority of the babies were boys.

And for the same period, Brunei recorded more deaths, 63 more than the corresponding period last year.

General sales agents

BANDAR SERI BEGAWAN.—The Royal Brunei Airlines is to represent the Lufthansa German Airlines in Brunei as the general sales agents.

Lufthansa operates three flights a week from Singapore to Frankfurt and six flights a week from Bangkok.

Intending travellers may obtain the details of air fares and reservations from the RBA or its appointed agents.

Erwan emerges as champion

BANDAR SERI BEGAWAN.—Tutong's Erwan bin Mohd Said emerged as the champion of the Bintang Kecil singing contest.

The competition, organized by the Malay Section of Radio Television Brunei, took place at its Dewan Raya, on Saturday night.

Second was Norishnan Majenis and third, Norashikin Ramli. Both of them are from the Belait District.

Dayang-Dayang Diraja Datin Seri Utama Rosnah bte Abdullah gave away the prizes to the winners.

H.H. honoured with DKNS

BANDAR SERI BEGAWAN.—His Highness the Sultan and Yang Dipertuan of Brunei has been conferred with the Darjah Kerabat Negeri Sembilan, the DKNS.

The award was bestowed by His Highness Yang Dipertuan Besar of Negeri Sembilan, Tuanku Jaafar

Al-Haj ibni Al-marhum Tuanku Abdul Rahman.

The investiture was held in honour of His Highness the Yang Dipertuan's 58th birthday ceremony.

His Highness the Sultan and Yang Dipertuan topped the list of 301 medal recipients.

Police cadets for Singapore

BANDAR SERI BEGAWAN.—Twelve police cadets will leave for Singapore on September 4 for a nine-day goodwill visit.

Their leader will be the Police Cadet Inspector, Awang Mohd Taib bin Damit, who is from the Mohd Alam Malay School, Seria.

During their tour there, they will visit Singapore's National Police Cadet Corps and places of interest.

This is to reciprocate the visit made by the Singapore National Police Cadet Corps to Brunei last year.



Norishnan receiving prize from Dayang-Dayang Diraja Datin Rosnah bte Abdullah.

Cops return home

BANDAR SERI BEGAWAN.—A group of 42 policemen returned home early this week after visiting Kuching.

Their leader was the Commissioner of Police YAM Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid.

When they were in Kuching they were the guests of the Sarawak Police Force.

The Brunei cops also held friendly matches against host teams.

Their four-day visit was very successful.

Training courses completed

BANDAR SERI BEGAWAN.—Fourteen senior officers last week completed two training courses.

They commenced their two-day courses on Wednesday at the Churchill Memorial Lecture Hall here.

The courses, beginning on Wednesday, were conducted by an international management consultant.

Meanwhile, 12 other officers also completed their four-day course on Thursday.

It was conducted by the Deputy Director of Establishment, Awang Haji Jaya bin Abdul Latif.

Hari Raya celebration

BANDAR SERI BEGAWAN.—More and more programmes were held last week to celebrate the Hari Raya.

On Saturday night, a celebration was held at the municipality hall here by the welfare and sports body of the Brunei-Muara District Office.

A Koran reading, a traditional 'Alai-Bubu' performance, singing, marhaban presentation and martial arts display were among the programmes.

The function was attended by the District Officer, Dato Paduka Awang Hj Abdullah, his assistant, Pengiran Omar bin Pg Sabtu and others.

In the same evening, a similar celebration was also held at the Kerian Malay School hall at Tutong.

The function was organised by the PESAKA Association of Tutong.

At the gathering, Dato Hulubalang Awang Haji Abdul Wahab presented the gifts to orphans and the disabled.

State Mufti leaves for Mecca

BANDAR SERI BEGAWAN.—A four-man party led by the State Mufti Pehin Dato Seri Maharaja Dato Seri Utama Haji Ismail left here for Mecca on Saturday morning.

Their mission is to seek the rights to administer a plot of land bequeathed by a former Sultan of Brunei, the late Sultan Mohammad Tajudin in the holy city.

Other members of the group are Awg Haji Malai Ahmad Murad bin Haji Malai Mashor, Awg Haji Ahmad bin Haji Ibrahim and Awg Haji Mohd Zain bin Haji Ibrahim.

Footballers in Singapore matches

BANDAR SERI BEGAWAN.—Brunei's 17 football players are now in Singapore taking part in the 4th Lion City Cup Tournament which started on Monday.

The under-sixteen players played against Bahrain on the first day of the tourney, and against Malaysia on the following day.

The State Secretary, the Hon'ble Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, the Director of Welfare, Youth and Sports and the officials of the Education Department were at the airport to see them off.

The Brunei team left for the republic on Friday morning.



Y.A.M. Pengiran Indera Mahkota Pg Muda Haji Kamaluddin menyampaikan derma kepada salah sa-orang anak yatim.

SA-BUAH BANGUNAN UNTUK ANAK2 YATIM AKAN DI-DIRIKAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jawatankuasa Tabong Derma Anak2 Yatim Daerah Brunei dan Muara pada masa ini sedang berusaha mencari sa-bidang tanah bagi mendirikan sa-buah rumah amal bagi kegunaan anak2 yatim di-daerah ini.

Bangunan itu ada-lah semata-mata di-hasratkan bagi menampung dan membolehkan untuk mengadakan kelas2 bimbingan serta usaha2 yang difikirkan mustahak dan berfaedah yang boleh mendatangkan kebaikan

Oleh :
JAAFAR IBRAHIM

kapada anak2 yatim dalam menempoh kehidupan.

Demikian telah di-umomkan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin, Pengerusi Jawatankuasa Tabong Derma Anak2 Yatim Daerah Brunei dan Muara ketika bersabda di-Majlis Sambutan Anak2 Yatim Berhari Raya anjuran Persatuan PERKASA yang telah di-adakan di-Dewan Sekolah Agama Pengiran Anak Saleha di-sini baru2 ini.

Menurut Yang Amat Mulia itu, usaha2 tersebut di-jalankan ada-lah memandangkan perkembangan anak2 yatim di-Daerah Brunei dan Muara khasnya dan di-seluruh negeri am-nya yang semakin menggalakkan dan usaha ini ada-lah merupakan salah satu projek jawatankuasa sejak ianya di-tubuhkan 10 tahun yang lalu.

"Dengan ranchangan itu saya rasa sudah barang tentu akan dapat membimbing orang2 yang tidak bernasib baik seperti anak2 yatim dalam memberikan pendidikan yang bermanfaat pada menjadikan mereka sa-bagai rayat yang berguna untuk negeri Brunei Darussalam ini", tegas yang amat Mulia Pengiran Indera Mahkota.

Menyentuh mengenai dengan sambutan pada hari itu, Yang Amat Mulia berpendapat dan berharap supaya usa-

ha-usaha yang sa-demikian itu akan dapat di-teruskan oleh semua badan2 kebajikan di-negeri ini dalam usaha untuk membantu orang2 yang kurang bernasib baik seperti anak2 yatim.

Walau bagaimana pun sabda-nya lagi, masyarakat Brunei hingga sa-takat ini telah pun mempunyai kesedaran ka-arah membela orang2 yang kurang bernasib baik dengan tidak payah di-arah atau diminta yang mana badan2 kebajikan, badan2 perniagaan dan orang2 perseorangan sentiasa sukarla menghulurkan derma kepada tabong anak2 yatim.

Ini ia-lah kerana, oleh sifat-sifat orang Brunei yang tidak ingin melihat orang2 hidup dalam kesangsaraan dan sentiasa tolong-menolong, bantuan membantu di-antara satu dengan yang lain yang mana sikap sa-demikian telah di-amalkan sejak datok nenek kita lagi.

Orang2 Brunei, sabda Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota selalu mengamalkan pepatah Melayu yang berbunyi "BERAT SAMA DI-PIL-KUL RINGAN SAMA DI-JINJING". Sikap dan perbuatan sa-umpama ini juga susah di-dapati di-negeri lain di-dunia ini.

"Saya mengucapkan shukor dan terima kasih kepada semua badan2 yang berke-naan dalam menghulurkan derma sa-panjang bulan puasa dan ada-lah juga di-alu2-kan kepada semua badan2 kebajikan, ahli2 perniagaan dan orang perseorangan supaya akan sentiasa menghulurkan derma kepada tabong ini", sabda Yang Amat Mulia dengan penuh harapan.

"Oleh itu saya berdo'a semoga amalan2 yang berkebaikan itu akan di-terima dan mendapat ganjaran dan balasan daripada Allah s.w.t." sabda-nya lagi.

Orang ramai di-seru berwaspada terhadap bahaya api

BANDAR SERI BEGAWAN.—Pengawal Pasokan Bomba, Awang Douglas Faulkner mengingatkan orang ramai tentang bahaya kebakaran yang kian bertambah sejak akhir2 ini.

Menurut beliau, orang ramai memainkan peranan yang penting dalam mencegah api dari merosakkan harta-benda atau pun nyawa.

Peringatan tersebut di-buat-nya berikutan berlakunya satu lagi kebakaran sa-buah rumah di-Kampung Lambak pada minggu lalu.

Rumah kepunyaan sa-orang pekerja Jabatan Kerja Raya, Awang Hassan bin Latif telah musnah di-jilat api pada pagi hari Rabu.

Sa-masa kejadian itu, isteri dan dua orang anak-nya berada di-rumah itu, tetapi sempat menyelamatkan diri tanpa mendapat sa-barang kechederaan.

Sa-lain dari rumah itu, dua tiga buah durong yang

- Oleh :

SHADOON LAMZI

penoh berisi padi yang berhampiran dengan rumah itu juga turut musnah.

Dalam kejadian kebakaran yang berlaku baru2 ini, api telah merosakkan keseluruhan sa-buah kedai dua tingkat di-Sengkuring yang menyebabkan kerugian berpuluh2 ribu ringgit. Tidak ada kechederaan di-laporkan di-dalam kejadian tersebut.

Kebakaran yang bermula pada pukul 6.30 pagi itu telah juga merosakkan sa-buah kereta dan pehak bomba masih lagi meniasat punca kejadian kebakaran itu.

"Penyasatan yang telah kami jalankan dalam kejadian2 kebakaran yang lalu menunjukkan yang kebanyakannya berpunca daripada orang2 yang membakar sampah sarap berdekatan dengan kawasan perumahan dan bangunan, kerosakkan letrik, gas bochor dan banyak sebab2 lain yang boleh di-hindarkan seandainya kita sentiasa berwaspada sa-tiap masa", tambah Awang Faulkner.

Kebakaran yang paling dahat menyebabkan kematian sa-orang budak lelaki apabila api membinasakan tempat kediaman orang tua-nya di-sini tahun lalu.

Untuk menghalang kejadian burok sa-umpama ini menimpa ka-atas diri sa-tiap kita, ada-lah penting bagi kita mengambil langkah2 tertentu guna untuk menjamin kehidupan di-masa2 yang akan datang.

Api, menurut Awang Faulkner ada-lah teman kita yang paling karib dan ia-nya juga merupakan musuh yang paling merbahaya dan di-bawah beliau peturunkan beberapa langkah mencegah kebakaran untuk perhatian umom:—

★ Jangan membakar sampah sarap berdekatan dengan kawasan perumahan.

★ Jika mendapati ada kerosakkan2 letrik di-rumah awda, segera-lah hubongi Pejabat2 Letrik yang berdekatan dan ada-lah satu tabiat yang burok dan merbahaya jika awda chuba memperbaiki kerosakkan tersebut sedangkan awda tidak mempunyai pengetahuan di-dalam bidang ini.

★ Saloran2 tertentu wajib di-gunakan bagi tong2 gas awda di-rumah untuk mencegah gas tersebut bochor. Pudi penyaloran gas tadi harus-lah di-tutup sa-lepas menggunakan kan-nya.

Api telah juga meranapkan sa-buah rumah di-Kampung Ayer di-sini di-dalam menjelang-nya Hari Raya. Rumah itu kepunyaan Awang Hassan bin Said.

Peraduan berchuchol di-Kg Ayer

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Peraduan Berchuchol Rumah-rumah Kampung Ayer akan di-adakan di-Kawasan Kampong Ayer di-ibu negeri bersempena dengan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Yang Ke-34 tahun.

Peraduan tersebut terbahagi kepada tiga bahagian ia-itu Bahagian Pejabat2 Kerajaan dan Sekolah2, Bahagian Persatuan-persatuan Belia dan Kumpulan, dan Bahagian

Orang2 Perseorangan.

Orang ramai yang ingin menyertai Peraduan ini hanya di-benarkan mengguna CHUCHOL LETRIK KERJA-AN sahaja.

Borang penyertaan serta keterangan lanjut boleh-lah di-dapati daripada Pengerusi atau Setia Usaha Peraduan, di-Jabatan Setor dan Perbaikan Negara, Bahagian Setor Workshop, Jalan Tasek Lama, Bandar Seri Begawan, dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 13hb. September, 1980.

Lebeh ramai anggota AMDB berkursus di-seberang laut

BERAKAS.—Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei akan menghantar lebeh ramai lagi anggota-nya untuk mengikuti berbagai2 kursus di-seberang laut.

Sa-ramai empat orang anggota dari Yunit Pusat Latehan pasokan tersebut akan berlepas ka-Singapura pada hari Sabtu untuk mengikuti kursus Standard Military bertempat di-Sekolah Pegawai Kadet, Kem Pasir Laba, Singapura.

Mereka ia-lah 6126 P/KDT Narawi bin Omar Ali, 6404 P/KDT Mohd. Noor Al Sufri bin Adinin, 6486 P/KDT Alihan bin Abd. Saman dan 6502 P/KDT Ak. Mohd. Noor bin Pg. Hj. Mohidi.

Kursus tersebut akan bermula pada 1hb. September, 1980 dan di-jangka akan berakhir pada 7hb. Julai tahun depan.

Sementara itu dua orang lagi anggota pasokan itu akan berlepas ka-United Kingdom untuk mengikuti kursus yang berasingan.

108 Lt Mohamad Sultan bin Daim dari E Kompeni Battalion Kedua akan berle-

pas ka-United Kingdom pada hari Sabtu ini untuk mengikuti kursus Platoon Commanders bertempat di-Officers Wing, The School of Infantry, Warminster, Wilts, England. Kursus tersebut akan bermula pada 1hb. September, 1980 dan akan berakhir pada 21hb. November, 1980.

Sementara itu 6327 Sid Hamdan bin Hassan dari Bengkel Pasokan akan berlepas ka-United Kingdom pada 1hb. September, 1980 untuk menghadiri kursus Asas Elektronik di-Sekolah Kejuruteraan Elektronik, Arborfield, Reading, Berkshire, England. Kursus akan bermula pada 3hb. September, 1980 dan di-jangka akan berakhir pada 15hb. April, 1981.

Sa-lain dari itu, 5452 LCpl Mahadi bin Ribut dari Battalion Kedua kini sedang berada di-Hongkong untuk mengikuti kursus di-Physical and Adventurous Training Centre Hongkong.

LCpl Mahadi di-jangka akan menghabiskan kursus pada 1hb. Ogos, 1981.

Kelas bimbingan Kor'an di-buka

BANDAR SERI BEGAWAN.—Kelas bimbingan Al-Kor'an anjuran IQRA (Persatuan Pembaca2 Al-Kor'an Islam Brunei) bagi semua perengkat akan di-buka semula pada 5hb September depan.

Kelas tersebut akan di-adakan di-Sekolah SMJA tambahan.

Kelas bimbingan tersebut telah bermula pada bulan Mei lalu dan telah di-tutup dalam bulan puasa lalu.

Memandangkan kapada perubahan tempat di-mana menurut salah sa-orang ahli persatuan IQRA ada-lah mengizinkan bagi menerima ramai lagi peserta bimbingan, pehak persatuan dengan ini sukachita mempelawa sa-siapa yang berminat untuk memasuki kelas bimbingan tersebut.



TADIKTA Pertama Kampong Ayer telah mengadakan sambutan Hari Raya baru2 ini. Di-samping meraikan murid2 di-Tadika itu, penyampaian hadiah2 kapada anak2 yatim yang belajar dan kapada murid2 yang terbaik dalam peperiksaan dalam penggal kedua juga telah di-adakan pada hari itu.

Penghulu Mukim Kampong Peramu, Pengarah Haji Naim telah di-berikan penghormatan itu menyampaikan hadiah2 pada hari itu.

Gambar atas kelihatan suasana meriah dalam sambutan yang di-adakan pada hari itu.

RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pihak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

RABU - 27HB OGOS

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN/DOA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 ANIMAL WORLD
- 5.30 JANA OF THE JUNGLE (New series)
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 MORK AND MINDY
- 6.30 DR WHO — "Robots of Death"
- 6.33 AZAN MAGHRIB
- 6.37 DR WHO — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE MISADVENTURES OF SHERIFF LOBO — Sheriff of Orly Country kerap mengalami kesulitan dengan menghadapi konflik2 yang amat berlainan.
- 7.44 AZAN ISHA
- 7.48 THE MISADVENTURES OF SHERIFF LOBO — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 MAJALLAH BRUNEI
- 8.50 THE WAR YEARS
- 9.40 TAYANGAN GAMBAR TV — "Teacher, Teacher"
- 11.40 SIARAN TAMAT.

KHAMIS - 28HB OGOS

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN/DOA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 SESAME STREET
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 OLYMPICS SPORTS
- 6.20 MARI SEMBAHYANG
- 6.33 AZAN MAGHRIB
- 6.37 SPIDERMAN

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 BEGGARMAN, THIEF
- 7.44 AZAN ISHA
- 7.48 BEGGARMAN, THIEF—sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 HIDAYAT
- 9.00 DUNIA MINGGU INI
- 9.30 DOCUMENTARY — "AIRPORT"
- 10.20 GARRISON'S GORILLAS
- 11.10 PERLAWANAN GUSTI
- 12.00 SIARAN TAMAT.

JUMAAT - 29HB OGOS

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN/DOA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 BAD NEWS BEARS
- 4.55 SAYANG ADEK KU SAYANG
- 5.35 MAGIC PALACE
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 HECKLE AND JECKLE
- 6.26 THE MUPPETS
- 6.33 AZAN MAGHRIB
- 6.37 MUPPETS — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 GENERATION GAME
- 7.44 AZAN ISHA
- 7.48 GENERATION GAME — sambongan

- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 WARISAN
- 9.00 DICK EMERY
- 9.30 BRITISH OPEN GOLF 1980
- 12.00 SIARAN TAMAT.

SABTU - 30HB OGOS

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN/DOA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 4.55 SESAME STREET
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 WACKY RACES
- 6.30 ANGIE — Siri komedi baru dari Paramount. Ia-nya mengesahkan tentang sa-orang yang mengahwini anak kapada satu keluarga yang tertua dan terkaya di-Philadelphia.
- 6.33 AZAN MAGHRIB
- 6.37 ANGIE — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 FOUNDATION (Siri baru) "The Foundation" ada-lah sa-buah cherita tentang sa-orang wanita jelita yang mencheborkan diri dalam dunia perniagaan sa-chara mengejut dengan tak di-sangka2 di-sebabkan oleh kematian suami-nya sa-orang jutawan. Ia bukan sahaja terpaksa menghadapi pengarah2 dan musuh2 perniagaan tetapi juga mempunyai rumah dan keluarga untuk di-jaga.

- 7.44 AZAN ISHA
- 7.48 FOUNDATION — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 MAJALLAH BRUNEI
- 8.50 TAYANGAN FILEM MELAYU
- 10.30 BIG VALLEY
- 11.10 SIARAN TAMAT.

AHAD - 31HB OGOS

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN/DOA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 PLAYBOX
- 5.00 HOW
- 5.30 JABBERJAW
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE
- 6.33 AZAN MAGHRIB
- 6.37 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE LAST CONVERTIBLE
- 7.44 AZAN ISHA
- 7.48 THE LAST CONVERTIBLE — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 GEORGE AND MILDRED
- 9.00 PUSPARAMA
- 9.50 CRIBB
- 10.40 TALES OF THE UNEXPECTED — "Galloping Foxley" Kesah di-masa lalu menjadi realiti yang menakutkan bila sa-orang yang tidak di-kenali munchol pada satu pagi dan mengambil tempat dudok di-keretapi.
- 11.10 SIARAN TAMAT.

ISNIN - 1HB SEPT

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN/DOA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 BIG BLUE MARBLE



CLAUDE AKINS sa-bagai Sheriff Lobo dalam siri baru "The Misadventures of Sheriff Lobo".

- 5.30 YOUNG PEOPLE'S SPECIALS
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 SKATEBIRDS
- 6.25 KATY
- 6.30 AZAN MAGHRIB
- 6.34 KATY — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 CHARLIE'S ANGELS
- 7.42 AZAN ISHA
- 7.46 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 MAJALLAH BRUNEI
- 8.50 MINDER
- 9.40 LIVE AT THE FORUM
- 10.30 DANGER UXB — Brian Ash dan teman2-nya di-bantar ka-sebuah bandar kecil untuk menghadapi "Butterfly Bomb" yang di-gugorkan dan di-lepaskan di-udara.
- 11.10 SIARAN TAMAT.

SELASA - 2HB SEPT

- PETANG
- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN/DOA

- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 BATTLE OF THE PLANETS
- 5.30 BENGKEL KANAK2
- 6.00 RENGKASAN BERITA

- 6.05 GATHER YOUR DREAMS — Siri baru yang mengandungi 13 bahagian, lokasi-nya di-New Zealand yang mengesahkan tentang chita2 sa-orang gadis yang ingin menjadi sa-orang bintang pada tahun 1930an.
- 6.30 AZAN MAGHRIB
- 6.34 SAPPHIRE AND STEEL

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE CONTENDER
- 7.42 AZAN ISHA
- 7.46 THE CONTENDER — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 GAMBUS
- 9.10 TAYANGAN GAMBAR — "Beasts Are On The Street"
- 11.10 TYCOON
- 11.55 SIARAN TAMAT.



BINTANG utama Jack Klugman chuba memimang Sharon Acker dalam satu adigan "QUINCY" dengan episod yang berjudul "Promises To Keep".

GATHER YOUR DREAMS

SA-BUAH siri baru yang mengandungi 13 bahagian akan di-mulakan pada hari Selasa 2hb September. Siri ini mengesahkan tentang chita2 sa-orang gadis yang ingin menjadi sa-orang bintang.

Cherita ini berlaku pada awal tahun 1930an... dan di-waktu kesusahan.

Pada awal tahun 1930-an... dan di-waktu kesusahan, Wallace Carter, anak2-nya Kitty yang berusia 14 tahun dan Reggie 11 tahun, dahulu-nya ahli2 yang terkenal dengan Carter Follies terpaksa meninggalkan panggong mereka. Berbagai kejadian suka dan duka terjadi hingga lah trajidi menimpa dengan kematian Wallace.

Kitty dan Reggie diambil oleh ibu dan bapa

saudara-nya tinggal di-ladang dengan meninggalkan anggota2 kumpulan mereka. Reggie akhir-nya menyesuaikan diri dalam penghidupan di-panggung. Akhir-nya chita2-nya pun termakbul dan ia pun menuju ka-Auckland untuk menyertai kumpulan itu.

Auckland, bagaimana pun, tidak-lah seperti yang di-harap2kan oleh Kitty. Kumpulan-nya bercherai-berai dan ia terpaksa mengemis di-jalan raya. Nasib-nya agak baik kerana ia mendengar khabar tentang satu ujian nyanyian dan ia pun tidak melepaskan peluang ini.

Walau pun ia berjaya dalam ujian ini, ia telah diserang penyakit demam paru2. Pihak penerbit terpaksa mengambil sa-orang gadis lain. Kitty puleh di-rumah teman wanita penerbit, dan dengan bantuan-nya mencari ahli2 lain dalam kumpulan-nya.

Mereka telah pun berjauhan, tetapi Kitty akhir-nya berjaya mengesan mereka. Mereka gembira sekali menemui-nya dan bersetuju untuk mengadakan pertunjukan sekali lagi.

Pihak penerbit juga ingin untuk menerbitkan perserahan muzikal dengan berpanduan pengalaman2 kumpulan ini, tetapi penyokong-nya berkeras untuk mengadakan pertunjukan di-Australia yang baru. Dengan kepintaran-nya Kitty menyeludupkan diri-nya dalam satu keramaian di-ru-mah-nya dan mengejutkan-nya dengan satu persembahan nyanyian. Pihak penyokong tidak lagi dapat memarahi-nya, tetapi berubah hati dan bersetuju untuk mengadakan satu pertunjukan baru dengan Kitty memegang peranan utama.

Tentu sekali pertunjukan ini merupakan satu kejayaan. Tetapi lebih dari itu... kerana gadis kecil yang berbakat ini sanggup mengharungi liku2 hidup, berjaya menjadi sa-orang bintang.



SALAH satu adigan dari siri komedi sa-tengah jam bertajuk "ANGIE" yang akan di-mulakan pada hari Sabtu depan jam 6.30 petang.



Siswazah Brunei minggu ini

SISWAZAH undangan minggu ini ia-lah Awang Ahmad bin Dato Matnor, Timbalan Pesuruhjaya Tanah, Brunei.

Beliau berjaya memperoleh ijazah B.A. (Hons) Economics dari Lancaster University pada tahun 1973.

Temuramah kami dengan beliau akan di-siarkan pada hari Ahad 31hb Ogos 1980 jam 9.30 pagi dan ulangan-nya pada hari Rabu jam 7.30 malam.



Lagu2 Permintaan Derma Anak2 Yatim jadi projek tahunan

L AGU2 permintaan Derma Anak2 Yatim ada-lah sa-bagai salah satu dari rancangan Radio yang menjadi projek tahunan kepada perkhidmatan Bahagian Melayu.

Pada tahun ini, kami telah mula menyiarkan sejak 1hb Jun, 1980 dan akan berakhir pada 31hb Ogos, 1980, ia-itu dalam jangka masa tiga bulan. Rancangan tersebut di-siarkan pada tiap2 hari Ahad dari jam 11.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dari Studio Radio Brunei di-Bandar Seri Begawan dan di-Kuala Belait. Rancangan sa-lama satu jam itu di-siarkan sa-chara langsung.

Bahagian Melayu RTB, merasa bangga kerana sambutan dari orang ramai khas-nya dermawan2 yang budiman begitu menggalakkan. Kalau di-nilai untuk sa-buah lagu dan sa-keping kad permintaan adalah terlalu mahal harga-nya, apa tidak-nya, seperti yang dapat kami chatetkan dalam ruangan ini, penderma per-seorangan Awang Zaimi Lim Abdullah telah menyumbangkan derma-nya berjumlah \$100 (sa-ratus ringgit) untuk sa-buah lagu permintaan.

Demikian juga Badan Penuntut2 Tingkatan 5 (sains) telah berusaha mengumpulkan

derma mereka untuk rancangan ini sa-banyak \$167 (sa-ratus enam puluh tujuh ringgit) dan banyak lagi penderma2 yang begitu ikhlas yang mengirinkan derma-nya yang menjadikan di-saat derma tersebut di-serahkan kepada Pengerusi Tabong Derma Anak2 Yatim, pada 7hb Ogos, 1980, berjumlah \$2,209.60.

Kami mengharapkan di-masa yang akan datang kerjasama dan sumbangan yang menggalakan dari orang ramai sangat2-lah di-bargai dan di-plu2kan.

Kapada semua yang melibatkan diri-nya dalam ruangan Lagu2 Permintaan Derma Anak2 Yatim khas-nya para dermawan yang budiman, Bahagian Melayu Radio Talvisyen Brunei, tidak lupa mengucapkan terima kasih yang tidak sudah2 dan semoga Allah akan membalaskan dengan ganjaran pahala atas perkara yang berkebaikan ini.

Gambar bawah menunjukan Awang Mohd Ali Majid, Pegawai Rancangan Radio, sedang bertugas melayan kad2 Lagu2 Permintaan Derma Anak2 Yatim yang di-siarkan dari Studio Radio Brunei, Bandar Seri Begawan dan dari Studio Kuala Belait.



Nama2 penderma

NAMA2 penderma Lagu2 oleh Bahagian Melayu Radio

Nama Per

Yau Kit Chee
Insan Terbuang
Ibrahim Hj Bagol
Rokiah Ismail
Sarriif Dirol
Nortorontos
Mohd Safari Daud
Ahmad Jubree Asnawi
Suria Taweh
Rosni Yahya
Sukardi Kaderi
BA-909
Mohamad Zin Haji
Ishak
Yakob Hitam
Hafsah Ismail

KERJAYA DALAM PASOKAN AMDB

ANGGOTA ANGKATAN LAUT

1. Menjalani latihan asas tentera 25 minggu dan akan menerima gaji sa-banyak \$500.00 sa-bulan.
2. Di-tempatkan di-kapal2 Angkatan Laut Diraja apabila tamat latihan dengan menerima salah satu daripada tiga tangga gaji pokok bergantung kepada kelayakan masing2 seperti berikut:
'B' — \$545.00, alaan permakanan \$186.00 jumlah \$731.00
'A' — \$565.00, alaan permakanan \$186.00 jumlah \$751.00
'X' — \$625.00, alaan permakanan \$186.00 jumlah \$811.00
3. Di-Angkatan Laut juga mempunyai alat2 sistem senjata yang moden dan dari itu kemahiran dalam bidang letronic dan kejuruteraan untuk mengendalikan jentera2 laut amat-lah di-perlukan. Jika awang2 pemuda raayat Kebawah DYMM maka tenaga awang2 amat-lah di-perlukan untuk memenuhi bidang ini. Ini hanya-lah merupakan salah satu daripada chawangan pekerjaan yang terdapat di-Angkatan Laut. Pembangunan yang pesat dalam pasokan ini ada-lah sa-mata2 bagi awang2 untuk mengendalikan-nya.
4. Kenaikan pangkat yang menggalakkan bergantung kepada kemampuan, kebolehan dan kelamaan dalam perkhidmatan.
5. Menerima alaan2, kemudahan2, keistimewaan2 dan kebajikan2 yang lazim di-berikan kepada anggota pasokan seperti alaan menyelam bagi penyelam2 di-dalam pasokan ini.
6. Jika mempunyai kebolehan dan kelayakan yang terkemuka boleh di-sokong untuk menjadi pegawai bertauliah dalam pasokan ini.
7. Berhak berpenchen sa-lepas perkhidmatan 15 tahun, tetapi perkhidmatan boleh di-lanjutkan sa-hingga 20 atau 25 tahun mengikut kemahuan sendiri.



TENTERA BERJALAN KAKI

1. Menjalani latihan asas tentera 25 minggu dan menerima gaji penuh \$500.00.
2. Di-tempatkan di-kompeni2 dalam battalion apabila tamat latihan dengan gaji pokok \$545.00 tidak termasuk alaan chatuan \$186.00.
3. Di-berikan kursus2 tempatan dan luar negeri dalam bidang infantri mengikut kebolehan, kelamaan dan pangkat.
4. Kenaikan pangkat yang menggalakkan bergantung kepada kemampuan, kebolehan dan kelamaan perkhidmatan.
5. Menerima alaan2, kemudahan2, keistimewaan2 dan kebajikan2 yang lazim di-berikan kepada anggota2 pasokan.
6. Jika mempunyai kebolehan dan kelayakan yang terkemuka boleh di-sokong untuk menjadi pegawai yang bertauliah.
7. Berhak berpenchen sa-lepas perkhidmatan 15 tahun, tetapi perkhidmatan boleh di-lanjutkan sa-hingga 20 atau 25 tahun mengikut kemahuan sendiri.



Sa-banyak lapan Pusat2 Pengambilan akan diadakan di-ke-empat2 daerah seperti yang di-umumkan melalui radio dan talivishen. Latihan bagi pengambilan yang akan datang ia-lah pada 5hb Januari 1981.

Datang-lah ka-alamat di-bawah untuk mendapatkan maklumat lanjut. Dan jika awang berminat isikan-lah borang yang di-sediakan dan hantarkan kepada :

PEJABAT PENGAMBILAN PASOKAN
ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI
BOLKIAH KEM,
BRUNEI

Talipon 30531 sambongan 01 atau 02.

Sa-bagai Pertukangan Jurutera Ahli Bomba dan Pancharagam



SHARAT2 KEMASOKAN

1. Raayat Kebawah DYMM dan tergolong daripada salah satu dari tujuh puak jati Melayu: Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.
2. Pemohon2 yang menjadi Warga-negara Brunei yang tidak tergolong kepada salah satu daripada tujuh puak jati Melayu yang beragama Islam dan mengamalkan adat resam

- orang2 Melayu Brunei ada-lah berhak menjadi pemohon2 yang memenuhi syarat2 kemasokan.
3. Bujang atau kahwin.
4. Berbadan sehat.
5. Berumur 17½-25 tahun.
6. Tinggi tidak kurang daripada 5 kaki 1 inci.
7. Berat badan tidak kurang daripada 105 paun.
8. Sa-rendah2-nya Darjah Enam Melayu atau Primary Enam Inggeris. Kelulusan yang lebih tinggi ada-lah sangat di-alu-alukan.

ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI KERJAYA SA-BAGAI TENTERA BERJALAN KAKI/ANGGOTA ANGKATAN LAUT

Nama :
No. Kad Pengenalan : Warna :
Tarikh lahir : Tempat lahir :
Alamat :
Nama Warith :
Hubongan : No. Kad Pengenalan :
Alamat Warith :
Nama Sekolah :
Tingkatan :
Kelulusan :
Kerjaya yang di-pilih :
No. Talipon :
Tarikh :
Tanda Tangan



KESIHATAN sa-tiap ternakan juga perlu di-jaga untuk mendapatkan hasil yang baik. Gambar atas kelihatan Awang Suhaili memeriksa kesihatan salah sa-ekor anak ayam yang di-pelihara-nya.

Sementara menunggu hasil tanaman kekal-nya, Awang Buntar mengusahakan tanaman jagong sa-bagai tanaman sampingan-nya. Awang Buntar (kanan) salah sa-orang pemuda yang mengikuti Kursus Peladang Muda bagi pengambilan kedua.



Dari kata2 aluan Y.B. Setia Us
Wijaya Dato Seri Setia Awang
tas Pusat Late

Jika kata2 "berbakti kepada tanah" yang melambangkan idea tentang ke-
luhuran kerja bertani mahu di-kembang-
kan menjadi keyakinan maka asas-nya
yang kuat ia-lah ajaran Allah yang meng-
gariskan bahawa bumi (tanah) 'di-subor-
kan' bagi kesuburan tumbuh2an demi un-
tuk faedah kehidupan.

Sa-benar-nya asas tersebut memberi
jalan bagi usaha kita mengolah bumi
(tanah). Ini berma'ana menguasai sa-
dapat daya yang mungkin ilmu dan ke-
pandaian dalam bidang pertanian. Te-
gas-nya untuk mendapat faedah yang luas
dan berkesan dari bumi yang 'di-subor-
kan' bagi kesuburan tumbuh2an itu maka
perlu-lah di-pelajari dan di-kuasai ilmu
serta kepandaian mengenai rahsia 'men-
yuborkan-nya' itu. Tanpa penguasaan

itu maka bidang
kin dapat di-kem-
menohi keperluan

Dari sudut ini
moleh bidang pe-
dang ka-hadapa-
akan kemuliaan
sumber rezeki
Di-satu pehak ia
jaran dan orang
hami bahawa pe-
mang merupakan
kan ada-lah sa-be-
tuntut oleh ajaran
majukan dengan
pengusaha2-nya

Oleh yang d
han Pertanian

PELADANG MUDA— PADA MENINGKATKAN

Oleh: SH

LUAHAN beberapa tahun yang lalu ada-lah merupakan
satu kawasan hutan yang chuma di-tumohi oleh pokok
besar dan rumput lalang; tetapi pada ketika ini keadaan-nya
telah berubah keseluruhannya dan ia-nya mula di-kenali
bagai sa-buah perkampungan petani.

Ujud-nya perkampungan di-Jerudong ini ada-lah atas in-
siatif Kerajaan DYMM melalui Jabatan Pertanian yang tel-
memberikan didekan dan seterusnya bantuan kepada ana-
muda kita yang ingin berkembang dan seterusnya mempelop-
dunia tani yang pada satu ketika dulu chuma di-monopoli ol-
orang tua kita.

Kini terdapat kira2 26 orang belia mengisi perkampung-
ini dan sa-belum menjadi petani penoh masa yang mod-
anak2 muda ini telah di-asoh awal2 lagi sa-lama dua tahun
Pusat Latehan Pertanian yang terletak di-Sinaut, Tutong.

Pusat Latehan Pertanian Sinaut (PLPS), terletak di-Ba-
21, Jalan Bandar Seri Begawan-Tutong dan sa-bagai satu2-n
institusi pertanian vokeshenal yang terdapat di-negara ini. Ia
nya mula di-perkembangkan oleh Kerajaan dan Sharik
Minyak Shell Brunei Berhad untuk memberikan sumbang-
positif kearah memajukan pertanian di-negeri ini sejak bel-
rapa tahun yang lalu.

Sa-hingga hari ini, pusat tersebut telah melahirkan t-
kumpulan petani2 muda di-mana dua dari-nya mengikuti pr-
jek di-Luhan pada ketika ini. Sa-masa di-dalam pengaj-
anak2 muda ini telah di-bimbing di-dalam kerja2 pertanian sa-
chara praktikal dan teori di-mana di-dalam masa enam bulan
pertama mereka menghabiskan masa ini dengan mempelajari
jenis2 tanah, chara2 tumbuh2an membesar sa-hingga-lah ka-
tajok pemeliharaan binatang dan jentera2 ladang.

"Dalam tahun kedua pula, kami telah di-bahagikan ka-
pada kumpulan2 tertentu berlandaskan dengan minat2 sa-
seorang. Saya telah memilih bidang tanaman kekal sa-bagai
subjek pilihan saya," kata Awang Buntar bin Gani, salah sa-
orang pengusaha projek tersebut apabila kami temui di-ladang-
nya baru2 ini.

Berusia 24 tahun, Awang Buntar ada-lah salah sa-orang
pemuda yang mengikuti Kursus Peladang Muda di-dalam pe-
ngambilan kedua pusat tersebut.

Saperti teman2-nya yang lain, Awang Buntar telah di-
peruntukan 10 ekar tanah untuk berladang, alaan bulanan
buroh2 kasar, jentera pembajak serta banyak keperluan2 lain
yang penting bagi menyelenggarakan ladang.

"Perlu juga saya nyatakan yang kami juga telah di-beri-
kan kemudahan2 perumahan yang kini sedang di-dalam proses
pembinaan-nya dan saya perchaya Kerajaan telah mengorban-
kan berjuta2 ringgit untuk projek ini dan tidak ada yang dapat
saya katakan kechuali ucapan ribuan terima kasih," jelas
Awang Buntar.

Sa-telah satu tahun mengusahakan ladang-nya kini Awang
Buntar telah pun dapat menghabiskan kerja2 memagar kaw-
san tanah-nya dan dua ekar daripadanya telah pun di-usaha-
kan-nya untuk tanaman pokok2 rambutan.

Peranan Shara'

TIAP2 amal yang di-buat tanpa menurut peratoran shara' Islam dan ugama Islam, maka perbuatan (amal) itu di-tolak, dan tiada di-terima oleh shara'. Hukum shara'-lah yang menghukumkan sa-suatu amal itu sama ada amal itu di-tegah atau di-suroh. Orang yang beramal dengan tundok di-bawah hukum shara' dan shara' ber-setuju dengan-nya maka amal itu ada-lah di-terima oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan barangsiapa terkeluar amal-nya itu dari hukum shara', maka amal-nya itu di-tolak dan tiada di-pakai. Tiap2 amal yang di-reka2 di-dalam ugama Islam, yang tiada di-benarkan oleh Allah dan Rasulullah, maka amal itu bukan-lah datang dari ugama Islam.

Dalil dalam perkara ini, ia-lah suatu hadith yang di-riwayat-kan oleh Al-Imam Al-Bokhari dan Muslim daripada Ummul Mu'minin Sayidatina Aishah (Radhiallahu 'Anha) kata-nya; Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) bersabda:

مَنْ أَحْدَثَ فِي أَمْرِنَا هَذَا مَا لَيْسَ مِنْهُ فَهُوَ رَدٌّ

Erti-nya: "Barangsiapa mengada2kan (merek2) daripada pehak diri-nya, dalam shara' Allah dan Rasulullah, pada hal perkara itu bukan dari perkara ugama Islam atau tiada mengikut kaedah shara' dan dalil 'am shara', maka perkara itu di-tolak, kerana batil-nya dan tiada ter-pakai."

Menurut suatu riwayat Al-Imam Muslim:

مَنْ عَمِلَ عَمَلًا لَيْسَ عَلَيْهِ أَمْرُنَا فَهُوَ رَدٌّ

Erti-nya: "Barangsiapa membuat suatu amal yang bukan dari hukum dan kebenaran kita maka amal itu di-tolak, walau pun ia tiada mengada2kan (hanya melakukan amal itu dengan chara mengikut2 orang lain)."

Menurut suatu lafaz lain dari riwayat2 itu:

مَنْ أَحْدَثَ فِي دِينِنَا مَا لَيْسَ فِيهِ فَهُوَ رَدٌّ

Erti-nya: "Barangsiapa mengada2kan (merek2), dalam ugama kita, pada hal ia bukan dari perkara ugama kita maka perkara itu di-tolak."

Jelas-nya Hadith2 yang di-riwayatkan oleh Al-Imam2 Al-Bokhari dan Muslim itu ada berbagai2 lafaz, akan tetapi maksud-nya ada-lah sama belaka.

Sebab2 yang membawa kebatilan

Sebab2 yang membawa kapada perkara itu batil dan tiada di-pakai ia-lah:

1) Kerana perkara itu berlawanan dengan shara', sebab tiada termasuk dalam shara' sama sekali, seperti bernazar berdiri di-bawah pancharan chahaya

Mengelak Bid'ah

WAJIB BERAMAL MENURUT SHARA'

Siri ke-42

matahari yang terek. Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) telah membatalakan nazar yang tersebut ketika Baginda melihat sa-orang laki2 berdiri di-tengah2 matahari, sabda Rasulullah:

Yang maksud-nya: "Apa itu?" Jawab sahabat-sahabat (Radhiallahu 'Anhum): "Itu Abu Is-rael bernazar berdiri dan tiada mahu du-dok, dan tiada bertedoh dari chahaya matahari, tiada berkata2, sedang orang itu berpuasa," maka Nabi (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) bersabda:

مَرُّهُ فَلَيْتَكُمْ وَلَيْتَكُمْ وَلَيْتَكُمْ وَلَيْتَكُمْ

Erti-nya: "Kamu suroh dia, maka hendak-lah dia berkata2, hendak-lah ia bertedoh, hendak-lah ia dudok, dan hendak-lah ia sempurnakan puasa-nya itu."

(di-riwayatkan hadith ini oleh Al-Imam Al-Bokhari).

2) Kerana perkara itu melanggar shara' atau rukun, sama ada dalam ibadat atau dalam aqaid, (menurut pendapat yang kuat).

3) Kerana membuat pembaharuan dalam perkara yang di-shara'kan, seperti sembahyang dengan tiada berudzu.

4) Kerana membuat perkara yang di-larang dari segi zat perkara itu seperti menyembelih dan berse-tuboh ia-itu orang yang berihram di-larang menyembelih binatang buruan dan orang yang sedang berpuasa atau orang yang menunaikan fardzu Haji

sa-belum bertahallul di-larang melakukan persetu-bohan.

Pendapat Shafie tentang bid'ah

Berkata Al-Imam Ash-Shafie (Radhiallahu 'Anhu): Yang erti-nya: "Apa jua perkara yang di-ada2kan, dan ia menyalahi dan melawan akan ayat Al-Kor'an, atau menyalahi akan hadith atau menyalahi akan ijma', atau menyalahi athar sahabat, maka perkara itu bid'ah yang sesat. Dan apa jua yang di reka2 dari perkara kebajikan, dan tiada pula ia menyalahi dan melawan sa-suat dari Al-Kor'an, atau Hadith atau ijma' atau athar sahabat, maka perkara itu bukan bid'ah yang sesat. (Di-petek dari Jami'ul Ulum wal Hikam karangan Al-Hafiz Ibnu Rejab Al-Hambali dan dari Al-Fathul Mubin karangan Al-Imam Ibnu Hajar yang meninggal tahun 974 H.).

Berkata Al-Imam Ibnu Hajar dalam Al-Fathul Mubin: "Bahawa bid'ah saiyi'ah atau dhalalah itu ia-lah perkara yang menyalahi atau bertentangan dengan Al-Kor'an, Hadith, ijma' dan athar sahabat sama ada sa-chara terang2an atau dengan iltizam (tiada berterus terang), barangkali sekali sekala membawa pada wajib di-haramkan, dan sekali2 pula membawa wajib di-mak-rohkan, dan sekali2 membawa zan bahawa perkara itu suatu ta'at atau suatu qorobah (berdamping dengan Allah). Qorobah dan ta'at itu sama saja maksud-nya seperti menjadi anggota dalam kumpulan yang menyangka bahawa mereka termasuk dalam

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufit

suatu kumpulan ahli tasa-auf, di-samping itu menyalahi akan keadaan guru-guru tariqat itu dengan membuang zuhud dan wara' dan lain2 sifat kamal (sempurna) yang mashor ada pada mereka. Bahkan kebanyakan daripada mereka melakukan ibahiyah, (membujur lalu melintang patah). Mereka tiada mengharamkan apa yang di-haramkan dalam shara' kerana shaitan telah mendorong mereka melakukan keadaan burok. Mereka hanya layak menerima nama fisk atau nama kufor dari nama ahli tasauf.

Demikian juga orang ramai yang perchaya kapada batu, pohon, perigi dan sa-bagai-nya. Mereka menghormati benda2 itu dan menjadikan-nya tempat untuk memuhon segala hajat.

Tempat menggantung senjata

Dalam suatu hadith ada disebutkan bahawa sahabat2 (Radhiallahu 'Anhum) telah lalu di-sa-batang pohon bidara di-suatu tempat bernama Hunain. Orang2 mushrikin telah memuliakan pohon itu, mereka menggantungkan senjata2 mereka di-pohon itu, lalu sahabat2 berkata: "Ya! Rasulullah jadikan-lah bagi kita tempat2 menggantung senjata2 mereka". Maka Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) bersabda:

اللَّهُ أَكْبَرُ هَذَا كَمَا قَالَ قَوْمُ مُوسَىٰ أَجْمَلُ لَنَا إِلَهًا كَمَا لَهُمُ إِلَهَةٌ قَالُوا إِنَّكُمْ تَجْهَلُونَ لَتَرْكِبُنَّ سَنَنَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ

Erti-nya: "Allah yang maha besar, perkataan ini seperti perkataan kaum Nabi Musa (kapada Nabi Musa): "Mohon tuan

hamba jadikan bagi kami tuhan untuk di-sembah, sa-bagai-mana orang kafir ada mempunyai beberapa tuhan", Sabda Nabi Musa: "Bahawasa-nya kamu suatu kaum yang jahil". Kalau kamu mahu mengikut saperti itu (mengadakan tempat menggantung senjata) sama-lah juga kamu mengikut perjalanan2 umat2 yang dahulu daripada kamu".

Shara' telah menentukan suatu ibadat itu di-lakukan dalam suatu masa atau suatu tempat atau sa-suatu keadaan yang tertentu; maka datang orang2 jahil memahamkan dengan bodoh dan dengan zan (sangkaan) bahawa ibadat itu ia-lah semata-mata ta'at dengan tiada berqaid dengan sa-suatu keadaan yang tertentu. Maka datang orang2 jahil memahamkan dengan bodoh dan dengan zan (sangkaan) bahawa ibadat itu ia-lah semata-mata ta'at dengan tiada berqaid dengan sa-suatu qaid, atau dengan lain2 perkataan ia beribadat mengikut sa-suka hati-nya, tanpa memperdulikan sharat2 dan rukun2-nya.

Atau sa-seorang itu melakukan perkara bid'ah yang tidak di-suroh dan tidak di-galakkan dalam Islam seperti sembahyang Malam Lailatul Raghaib awal Juma'at dalam bulan Rajab — dan sembahyang malam Lailatul-Nasfi dari bulan Sha'aban. Kedua2 sembahyang khas itu ada-lah bid'ah yang keji, dan hadith pada kedua2-nya ada-lah hadith maudhu' (di-terangkan oleh Imam An-Nawawi dalam Sharhul-Muhazzab).

Kesimpulan

Demikian-lah beberapa keterangan mengenai perkara bid'ah dalam Islam. Sa-kira-nya kita mahu supaya amalan2 kita itu di-terima oleh Allah maka hendak-lah ia di-buat berdasarkan hukum shara' dan bukan-lah dengan merek2 atau mengada2kan barang yang tidak ada dalam shara'. Bukan sahaja perkara yang kita lakukan itu berdosa, tapi mungkin pula membawa kapada shirik sa-kira-nya ia menyalahi aqidah dan tauhid.

WALLAHU A'ALAM

KA-ARAH MENGADAKAN KEPERLUAN MAKANAN UMAT ISLAM

KITA terpaksa mengakui bahawa di-mana-mana pun umat Islam di-dunia ini maseh jauh terkebelakang jika di-bandingkan dengan orang2 bukan Islam khas-nya di-kalangan bangsa2 yang sudah maju dalam bidang pengeluaran bahan2 dan barang2 makanan. Hal ini menyebabkan sa-bahagian besar keperluan bahan2 dan barang2 makanan kita terpaksa kita datangkan atau dapati daripada orang2 bukan Islam. Pengeluaran2 barang2 makanan bukan Islam itu sudah tentu tidak-lah memperhitungkan dari segi halal atau haram-nya barang2 tersebut meskipun mereka tahu yang ia-nya akan dibeli juga oleh pengguna2 Islam. Bahkan mungkin ada sa-bahagian-nya sengaja membubuhkan tanda halal di-luar2 tin plastik atau pembungkus-nya bagi mendapat pasaran luas di-kalangan umat Islam. Sedangkan pada hakikat-nya mungkin sa-benar-nya ia-nya tidak halal di-pandang dari kacha mata Islam. Apa-lah yang mereka tahu tentang hukum2 Islam, sedangkan orang2 Islam sendiri sa-bahagian-nya jahil tentang hukum2 agama mereka sendiri.

Kerana itu sa-makin banyak barang2 dan bahan2 makanan yang terjual sa-makin perlu kita berhati-hati dalam memilih barang-barang yang akan kita beli dan makan. Kalau kita kurang berhati-hati dalam memilih barang2 yang akan kita beli dan makan, kalau kita kurang berhati-hati meneliti dan meningkatkan kesedaran agama kita dalam mendapatkan barang2 dan bahan-bahan makanan seperti roti, biskut, segala macham daging2 dalam tin, beraneka jenis me masak segera, bahan2 perancah seperti kicap, aji no moto dan banyak lagi jenis2 yang lain, sudah barang tentu dengan mudah kita terbeli barang2 dan bahan2 makanan yang tidak halal kita memakannya. Kerana sa-bahagian besar dari-nya tidak dapat kita pastikan dan yakinkan tentang halal-nya. Barang yang meragu-ragukan tentang halal-nya itu menurut kaedah agama kita wajib kita jauhi daripada memakannya.

Sa-lain daripada perlunya kita berhati-hati dalam mendapatkan barang2 dan bahan2 makanan kita, patut pula-lah kita umat Islam khas-nya golongan peniaga2 dan pengusaha2 di-negeri ini ada jua sa-bahagian-nya menumpu-

kan perhatian dan usaha ka-arrah membuat perusahaan bagi mengeluarkan barang2 dan bahan2 makanan yang sa-akan2 sudah jadi sa-macham satu keperluan harian kita seperti kicap, aji no moto, me masak segera dan sa-bagai-nya. Perusahaan2 tersebut jika di-buat sa-chara besar-besaran tentu sahaja faedah-nya akan dapat di-nekmati oleh keseluruhan umat Islam di-negeri ini.

Sekarang ini sudah sa-makin ramai orang2 Islam tempatan yang memasoki lapangan perniagaan dan perusahaan lebeh2 lagi sudah ada-nya galakan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia menerusi skim pinjaman untuk maksud2 sa-demikian. Yang demikian, dari segi modal tentu-lah tidak banyak menyulitkan bagi sa-siapa yang mahu berusaha dengan bersungguh-sungguh demi untuk menemui sa-bahagian daripada keperluan umat Islam dan demi untuk mengawal agama kita. Uga-ma Islam ada-lah amat menggalakkan umat-nya supaya berusaha mengadkan apa jua keperluan masyarakat Islam yang mana ia-nya ada-lah dianggap sa-bagai fardhu kifayah. Kechuaian kita dalam menunaikan fardhu kifayah ini-lah yang menyebabkan kita terpaksa banyak bergantung kepada hasil2 usaha orang2 bukan Islam pada hal sa-tengah2 daripada keperluan kita itu sa-benar-nya boleh kita usahakan.

Kerana itu mari-lah kita menchari jalan bagi mengadkan keperluan2 kita umat Islam khas-nya dari segi barang2 dan bahan2



makanan yang halal supaya dengan demikian kita dapat menjaga agama kita dan mengawal kepentingan-kepentingan kita.



Perjumpaan Hari Raya

KIRA2 100 orang telah hadir di-perjumpaan Hari Raya Aidilfitri serta majlis meraikan kejayaan Da-yang Hajjah Masni binte Haji Abdi Manaf yang menyandang naib johan qariah Musabaqah Membacha Al-Kor'an Perengkat Antarabangsa 1980 bertempat di-Dewan Sekolah Melayu Pusu Ulak pada 20hb Ogos, yang baru lalu.

Turut hadir di-majlis

MANUSIA ada-lah sa-lah satu makhluk yang hidup bergaul dan bermasyarakat. Dalam masyarakat pula, di-dirikan beberapa keluarga yang hidup berjiran di-antara satu sama lain. Oleh sebab wujud-nya sa-sebuah masyarakat itu mungkin terdiri dari beberapa kelompok manusia yang sudah barang tentu mempunyai sikap dan kemahuan yang berlainan, maka di-situ di-perlukan perpaduan dan persefahaman demi untuk menjamin kesejahteraan dan kemuliaan hidup bermasyarakat di-antara satu sama lain.

Memandang kapada penting-nya hidup berma-

HIDUP BERJIRAN

sharakat ini, maka Uga-ma Islam telah menetapkan dasar2-nya yang tertentu ia-itu antara lain meletakkan dasar hormat menghormati sa-sama jiran dalam sa-sebuah kelompok masyarakat Islam itu.

Dalam hidup berjiran kadang2 kita terpaksa menghadapi berbagai masalah yang mungkin timbul kerana tidak ada-nya persefahaman, tidak ada sifat tolak ansor atau juga tidak ada sifat hormat menghormati sa-sama jiran, maka untuk menjaga

Bingkisan
minggu
ini

persaudaraan dan keteguhan hidup berjiran sifat hormat menghormati amat-lah penting. Hormat dalam erti kata yang luas termasuklah menjaga hak dan kepentingan bersama, bertolak ansor, bersefahaman, sentiasa bantu membantu dalam perkara2 yang munasabah, nasehat menasehati, bersopan santun dan lemah lembut dalam pergaulan dan sa-bagai-nya.

Rasulullah s.a.w. dalam sa-buah hadith Baginda yang di-riwayatkan oleh Muslim dari Abu Hurairah telah menegaskan beberapa perkara yang penting untuk menjaga persahabatan dan kerukunan hidup berjiran, ia-itu sa-bagaimana sabda Baginda yang bermaksud: "Hak orang Islam atas orang Islam enam perkara; apabila engkau bertemu dengan dia ucapkanlah salam kapada-nya, apabila dia meminta nasehat hendaklah beri nasehat, apabila dia bersin dengan memuji nama Allah hendaklah memohonkan bua-nya rahmat, apabila dia sakit hendaklah ziarahi dan apabila dia mati hendaklah hantarkan mayat-nya ka-kubor."

Sa-benar-nya hak atau tanggung-jawab sa-orang Islam terhadap sa-orang Islam yang lain bukan-lah enam perkara sahaja, bahkan banyak lagi yang lain ia-itu-lah yang meliputi seluruh kehidupan dunia-wi kita. Tetapi kerana Rasulullah s.a.w. itu sa-orang yang bijaksana tidak-lah Baginda menerangkan kesemua-nya dalam sa-kali gus. Kerana jika di-amalkan enam perkara itu pun sudah cukup untuk memenuhi shariat bagi menguatkan tali persaudaraan dan perhubungan sa-sama jiran.

Perkara yang telah disebutkan itu amat penting, walau pun nampak-nya amat ringan di-sebabkan kerana ringan-nya itu-lah kerap kali di-abai. Dan bila di-abaikan bererti pergaulan kita sa-sama jiran belum lagi sempurna. Sedangkan jiran atau tetangga itu penting dalam kehidupan kita, terutama di-kalangan kita memerlukan pertolongan samada dalam suasana kedukaan atau kesukaan.

Derma untuk anak2 yatim

SATU penyampaian derma berupa wang tunai dari sumbangan Pegawai2 dan kaki-tangan Jabatan Kemajuan Kerjasama berjumlah \$200.00 telah dilakukan oleh Ak. Ismail bin Pg. Hidup dengan disaksikan oleh Awg. Abd. Saman bin Hj. Mohd Salleh sa-bagai mewakili Pegawai-Pegawai dan kakitangan Jabatan tersebut.

Derma yang di-tujukan untuk Tabung Anak2 Ya-

tim Daerah Brunei dan Muara pada 16hb. Ogos yang baru lalu itu telah di-serahkan kapada pengurus tabung berkenaan YAM Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin bertempat di-Pejabat Perpindahan.

KELIHATAN (gambar di-atas) YAM Pengiran Indera Mahkota ketika menerima derma berkenaan dari Ak. Ismail.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 27hb Ogos, 1980 hingga ka-hari Selasa 2hb September, 1980 ada-lah seperti dibawah ini:—

Hari	Bulan	Dzuhoir	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
27hb Ogos		12.26	3.43	6.33	7.44	4.42	4.57	6.14
28hb Ogos		12.26	3.43	6.33	7.44	4.42	4.57	6.14
29hb Ogos		12.26	3.43	6.33	7.44	4.42	4.57	6.14
30hb Ogos		12.26	3.43	6.33	7.44	4.42	4.57	6.14
31hb Ogos		12.26	3.43	6.33	7.44	4.42	4.57	6.14
1hb Sept		12.24	3.41	6.30	7.42	4.41	4.56	6.13
2hb Sept		12.24	3.41	6.30	7.42	4.41	4.56	6.13

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

...jaan, Pehin Orang Kaya Laila
...Aziz dalam Buku Prospek-
...anian Sinaut.

...tidak mung-
...kan bagi me-
...nakanan.

...tuan2 yang me-
...pat meman-
...penoh yakin
...sa-bagai
...pencharian.
...hang2 pela-
...pula mema-
...sa-lain me-
...yang di-perlu-
...adang yang di-
...tontok di-usaha-
...kepandaian

Sekolah Late-
...ksudkan bagi

mengeluarkan petani2 yang berilmu da-
lam bidang-nya sangat2-lah chocok de-
ngan tuntutan agama itu. Apabila ini
di-fahami baik dan di-jadikan pendorong
dalam meningkat-majukan bidang per-
tanian di-negeri ini maka serentak itu
kita berpeluang pula beroleh ganjaran
pahala 'berbakti kapada tanah' itu dalam
ma'ana menyahut surohan Allah s.w.t.
Lanjutan-nya ia-lah kita berkemungkinan
besar akan bersikap tahu bersukor atas
limpah kornia Allah yang kerana keshu-
koran demikian itu kita di-janjikan-Nya
akan di-limpahi lagi dengan nikmat yang
berlipat ganda — dan bukan-kah itu yang
di-idamkan ?

Mudah2an-lah Sekolah ini akan ber-
kembang maju, dan penuntut2 serta peng-
usaha2-nya akan bertambah chekal.

NGORAK LANGKAH HASIL PERTANIAN

LAMZI

Sementara menunggu hasil pengeluaran tanaman kekal-nya
Awang Buntar juga menanam buah2an seperti tembikai,
...ng dan sayur2an.

PELITA telah juga berkesempatan untuk bertemu-bual de-
ngan tiga orang peladang muda yang menghuni perkampungan
sebut.

Awang Mustaffa Mohammad Noor, Awang Suhaili Karim
Awang Mohammad Salleh Haji Mamud mula mengusaha-
ladang2 mereka sejak bulan Mei tahun lalu.


Ketiga2 pemuda ini telah memilih bidang ternakan lembu
bagai usaha utama mereka dan Kerajaan telah pun mem-
alkan lembu2 yang berjumlah dari enam hingga lapan ekor
sa-tiap mereka.

"Kehidupan sa-bagai sa-orang petani ada-lah merupakan
kerjaya yang mulia di-sisi masyarakat dan untuk men-
gai chita2 Kerajaan di-dalam meningkatkan penghasilan
di-bidang pertanian, tanggung-jawab ini akan kami
di dengan penoh semangat dan keyakinan," jelas Awang
staffa.

Awang Mustaffa, 20 tahun dan Awang Mohammad Sal-
25 tahun juga mengerjakan tanaman2 sementara seperti
2an sa-bagai usaha sampingan mereka dan sementara itu
Suhaili Karim, 25 tahun, mengusahakan ternakan ayam
bagai usaha sampingan-nya.



RUMAH seperti gambar atas di-bena bagi sa-tiap peladang muda di-projek Luahan itu sementara gam-
bar bawah pula kelihatan Awang Mustaffa menggunakan jentera pembajak yang di-berikan kapada-nya
untuk mengusahakan ladang-nya.



TANAMAN lada sulah juga di-usahakan oleh peladang2 muda seperti kelihatan gambar2 bawah.



PIALA LIGA B-SEPAK Bafa DI-SAMBUNG SA-MULA

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Perlawanan Piala Liga Bolasepak Kebangsaan Brunei kali yang ke-3 anjoran Persatuan Bolasepak Amat Negeri Brunei (BAFA) akan di-sambung semula pada hari Jumaat 5hb. September depan.

Demikian telah di-umumkan oleh Setiausaha Agung Pentadbiran BAFA, Awang Ibrahim bin Pehin Dato Indera Sugara Dato Haji Johari ketika ditemui baru2 ini.

Beliau menjelaskan bahawa mulai dari hari itu perlawanan2 sa-terus-nya akan di-adakan pada tiap2 hari Selasa, Rabu, Jumaat dan Ahad sa-hingga-lah selesai ka-lapan2 kumpolan bermain di-antara satu dengan yang lain.

Pada 5hb. September pasukan Kelab Bolasepak juga akan bertemu dengan Pasukan 3P Kota ia-itu dalam kumpolan satu. Perlawanan akan di-jalankan di-Padang Simpang Gadong. Pada hari yang sama pasukan Panglima Rangers akan berlawan dengan pasukan Kemuka ia-itu dalam kumpolan dua. Perlawanan akan di-jalankan di-Padang Kebajikan, Jalan Berakas.

Pada 7hb. September pula, pasukan dalam kumpolan tiga ia-itu Remaja F.C. akan bertemu dengan Indera F.C. bertempat di-Padang Simpang Gadong dan Kelab Ria akan berlawan dengan Pasukan PA PP dalam kumpolan empat bertempat di-Padang Kebajikan, Jalan Berakas.

Pada 9hb. September, Pasukan Kelab Bolasepak Serasa akan menentang Pasukan Devils United kedua2-nya dari kumpolan lima, di-Padang Simpang Gadong sementara dalam kumpolan enam pula, Kelab Bolasepak Sabina akan bertemu dengan Bintang Melayu bertempat di-Padang Kebajikan, Jalan Berakas.

Pada 12hb. September, pasukan Kelab Bolasepak Siga akan bertemu dengan IBB ia-itu dalam kumpolan tujuh di-Padang Simpang Gadong, pasukan dari kumpolan lapan ia-itu Kelab Bolasepak Elektrik dan PERKA akan berlawan di-Padang Kebajikan, Jalan Berakas.

Pasukan yang telah di-tetapkan untuk bermain pada tarikh2 yang di-sebutkan hendak-lah pada waktu yang di-tetapkan akan dapat hadir di-masa perlawanan itu.

Awang Ibrahim menyen-

takan, mana2 pasukan yang tidak dapat hadir pada masa yang di-tetapkan itu akan di-kira kalah.



PERLAWANAN bolasepak sa-chara persahabatan antara Pasukan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom yang sedang berchuti di-tanah ayer dengan Pasukan Youngsters telah di-langsungkan di-Padang Jalan Simpang Gadong pada hari Rabu 27hb Ogos yang baru lalu. Keputusan perlawanan ia-lah Penuntut2 Brunei di-United Kingdom menang dengan jaringan tiga gol tidak berbalas.

Gambar atas menunjukkan ketika perlawanan di-jalankan.

Tarek kalat perengkat DBM akan di-mulakan pada 5hb depan

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Pusingan awal perlawanan tarek kalat perengkat Daerah Brunei dan Muara akan di-jalankan di-Padang Besar di-sini pada hari Jumaat 5hb. September depan mulai jam 7.30 pagi.

Setiausaha perlawanan tarek kalat bagi Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Mohammad bin Pengiran Saifuddin menjelaskan perlawanan yang akan di-jalankan pada hari itu ia-lah bagi ketiga2 bahagian ia-itu bahagian berat badan dibawah 150lb ia-itu dalam bahagian A dan bahagian B pula ia-lah bagi peserta2 yang berat-nya 150lb ka-atas dan perlawanan di-antara penuntut2 sekolah2 menengah dan maktab2.

Bahagian A dan B, terbuka kepada persatuan2, kelab2, jabatan2 kerajaan, shariat2 swasta, firma-firma, Angkatan Bersenjata, kampung2 dan kawasan-kawasan Daerah Brunei dan Muara.

Sementara perlawanan bagi penuntut2 sekolah dan maktab, ada-lah merupakan acara baru yang di-perkenalkan oleh Ahli2 Jawatankuasa sempena Sambutan Hari Keputeraan DYMM Paduka Seri Baginda Sultan buat kali yang ke-34 tahun.

Menurut Pg Mohammad, perlawanan ini di-adakan ada-lah semata-mata untuk menarek minat belia-belia di-daerah ini dalam memajukan sokan yang sudah tidak

asing bagi masyarakat Melayu di-samping untuk sama2 merayakan Hari Keputeraan Baginda Yang Dipertuan.

HANTAR BORANG DENGAN SEGERA

Setiausaha perlawanan itu mengingatkan kepada pasukan2 yang ingin menyertai perlawanan ini supaya akan menghantar borang2 permohonan tidak lewat dari 31hb Ogos kepada nama2 yang di-sebutkan di-bawah ini:

Pengiran Mohammad bin Pengiran Saifuddin, Jabatan Kerja Raya, Ak-

Ali bin Pengiran Haji Petra, Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Pengiran Jadid bin Pengiran Omar-ali, Kompleks Perdana Wazir atau Pengiran Zainal bin Pengiran Haji Bos-tamam, Jabatan Pelajaran kesemua-nya dari Daerah Brunei dan Muara.

Perlawanan tarek kalat ada-lah merupakan salah satu acara bagi memeri-ahkan lagi Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali yang ke-34 tahun.

B-sepak tujuh sa-pasokan anjoran PERKASA

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Persatuan PERKASA akan menganjor-kan perlawanan bolasepak tujuh sa-pasokan bagi pemain-pemain yang ber-umur 20 tahun kebawah sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-34 tahun.

Perlawanan kali kedua itu hanya terbuka kepada kampung2, kelab2, persatuan-persatuan belia di-sekitar kawasan Kampung Ayer.

Bayaran bagi mema-soki perlawanan tersebut ia-lah \$15.00 bagi sa-buah pasukan.

Borang2 serta butir2 lanjut boleh di-dapati dari sekarang daripada Awang

Ismail bin Haji Zainal, Pejabat Bandaran, Brunei; Awang Jalil bin Haji Gadong, Sharikat Penerbangan Diraja Brunei (bahagian penjualan tiket); Awang Adanan bin Ting-gal, Pejabat Kehakiman, Brunei; Awang Ali Osman bin Salleh, Pejabat Suro-hanjaya Perkhidmatan Awam, Brunei; Awang Hussain bin Seruddin, Jabatan Elektrik, Brunei; Awang Abu Bakar bin Kassim, Kampung Saba Darat A dan Awang Mohammad bin Haji Hashim, Pejabat Perjawatan, Bru-nei.

Borang2 yang telah di-isikan beserta bayaran masuk hendak-lah di-kembali-kan kepada nama2 yang berkenaan tidak le-wat dari hari Jumaat

BERAKAS. — Pemain2 skuad Piala Lion City telah di-ingatkan supaya menjaga keolahan, tingkah laku dan tertata-tertib ketika berada di-luar negeri terutama sekali dalam menyertai sa-barang pertandingan sokan antarabangsa.

Di-samping itu pemain2 tersebut juga di-ingatkan supaya menjaga nama baik pasukan Brunei kerana memandangkan yang Brunei sudah mencapai kejayaan ia-itu sa-bagai pasukan yang terbersih dalam beberapa perlawanan di-luar negeri.

Ingatan ini di-buat oleh Setiausaha Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Hj Abd. Aziz sa-jurus sa-belum menyerahkan bendera Brunei kepada Skuad Pasokan Piala Lion City yang telah di-adakan di-Lapangan Terbang Antarabangsa pada hari Jumaat yang lepas.

Yang Berhormat berka-ta, keharuman pada men-jaga nama baik pasukan kita itu patut-lah di-per-tahankan dan kukuhkan demi untuk menjaga imej negara kita di-dunia an- tarabangsa.

"Saya berharap supaya Awang2 sekalian akan se-lamat dalam perjalanan dan selamat kembali ka-tanah ayer di-samping mencapai kejayaan yang chemerlang dalam pertan-dingan Piala Lion City pada tahun ini", kata Yang Berhormat dengan penoh harapan.

Skuad Brunei yang mengandongi 17 orang pema-in serta di-temani oleh lima orang pegawai yang terdiri dari Pengiran Tajuddin bin Pengiran Ahmad (Ketua Rombongan); Awang Ismail bin Apong (Pengurus Pasokan); Awang Haji Mohd.

Yusuf bin Abu. Bakar (Jurulatih); Awang Abd. Rahman bin Ismail (Penolong Jurulatih) dan Awang Ahmad bin Hassan (Penolong Jurulatih).

Turut mengucapkan selamat belayar kepada rombongan skuad Piala Lion City Brunei ia-lah Y.A.M. Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Mokhtar Puteh, Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain, Pengarah Pelajaran, Dato Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, Timbalan Pengarah Pelajaran, Awang Abd. Razak bin Haji Muhammad, Ketua Pegawai Belia dan Sokan, Awang Talip bin Haji Beruddin serta lain2 pegawai dari Jabatan Pelajaran dan Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan.

Bolasepak lima orang sa-pasokan

JALAN MUARA. — Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rizal, Jalan Muara akan menganjor-kan perlawanan bolasepak lima orang sa-pasokan sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali yang ke-34 tahun.

Perlawanan kali yang ketiga itu hanya terbuka kepada sekolah2 menengah dan maktab2 di-ne-geri ini.

Sharat2 penyertaan ia-lah sa-tiap sekolah hanya di-benarkan menghantar dua pasukan (A dan B) dan tiap-tiap pasokan mengandongi enam orang pemain dan umur bagi menyertai-nya tidak di-hadkan.

Bayaran bagi masuk perlawanan itu ia-lah \$15.00 bagi tiap2 satu pasukan.

Borang2 pendaftaran serta butir2 lanjut perlawanan itu boleh di-dapati dari Setiausaha Perlawanan, Awang Masri bin Haji Abu Bakar, Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rizal, Jalan Muara, Brunei.

Borang2 yang telah di-isikan dengan bayaran-nya sekali hendak-lah di-serahkan kembali kepada nama berkenaan tidak lewat dari hari Sabtu 6hb. September, 1980, dan pendaftaran yang terlewat dari tarikh itu tidak akan di-layan.



EMPAT orang kakitangan RTB kini berada di-London untuk mengikuti kursus perfileman dan TV production di-Visnews International Film and TV Production Training School.

Mereka ia-lah Ak Shabbuddin bin Pg Ahmad, Awang Shamsuddin bin Idris, Awang Johan bin Haji Sulaiman dan Ak Zohani bin Pg Zohari.

Gambar atas kelihatan penggambaran sebuah filem dokumentari di-mana kakitangan RTB itu di-tugaskan menyelenggarakan-nya, sa-bagai salah satu latihan praktikal sa-masa menjalani kursus tersebut.

Sementara gambar kiri pula kelihatan Awang Shamsuddin sedang menyunting filem yang telah di-ambil itu, sambil di-perhatikan oleh Instructor Mr Collin Moffat.

Sa-lain dari empat orang kakitangan RTB itu, peserta2 dari Perbadanan TV Bahrin, Abu Dhabi, Qatar, Zimbabwe, Nigeria juga menyertai kursus tersebut.



SIR John Mills dan Anthony Steel bersama2 Paul Spurrier (kiri) dan Jonathan Scott-Taylor dalam "Gallopig Foxley", kisah sa-orang lelaki yang di-ganggu oleh ingatan2 masa lalu di-sekolah dalam siri Tales Of The Unexpected pada hari Ahad ini jam 10.40 malam.



tabong anak2 yatim

aan Anak2 Yatim yang di-siarkan pada hari Ahad 17hb Ogos, 1980.

Nama	Penderma
Asmah Md Ali	\$ 2.00
Zauyah Haji Metassan	\$ 2.00
Tanpa Nama	\$ 2.00
Ali Bakar Kasim	\$ 2.00
Hussaini Haji Zarkashi	\$ 2.00
Annitah Sabtu	\$ 2.00
Zauyah Haji Metasan	\$ 2.00
Awang Balao Parseh	\$ 1.00
Roslan Jalandee Zainal	
Abidin	\$ 1.00
Aidah Abdullah	\$ 1.00
Massuriani Abdul	
Hamid	\$ 1.00
Rosnah M.	\$ 1.00
James Yaakub Hamid	\$ 1.00
Saiful Rizam H.M.	\$ 1.00

RANCHANGAN TVP - DARI 1HB HINGGA 6HB SEPT

ISNIN - 1HB SEPTEMBER

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 161
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 seperti BERMAIN MUSIK, PETI SURAT, MAIN KIM, BERSENAM, HALAMAN MENGAJAR dan CHERMIN SAKTI.

Chegu Sa'diah akan menggunakan binatang2 mainan seperti buaya, kuda belang, zirafah, unta, badak dan gajah dalam sudut MAIN KIM kali ini.

Di-HALAMAN MENGAJAR Chegu Sa'diah akan mengajar jam.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 161.

SELASA - 2HB SEPTEMBER

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 162.
Kanak2 akan dapat menyaksikan aktiviti2 seperti NAIK KUDA, LIHAT dan PERHATI, PAK LONG, AMINAH, SIRI PERMULAAN dan CHERMIN SAKTI.

Kanak2 akan NAIK KUDA pergi ka-laut dan berlakun menjadi binatang2 yang tinggal di-laut seperti ikan, penyu dan lain2.

Di-sudut LIHAT dan PERHATI kanak2 akan belajar nama2 binatang yang tinggal di-laut.

Di-SIRI PERMULAAN pula Chegu Sa'diah akan membaca buku bertajuk "Karangan Laut".

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 162.

RABU - 3HB SEPTEMBER

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 163
Di-dalam ranchangan kali ini Chegu Sa'diah dan kanak2 di-studio akan membuat aktiviti2 seperti BERSENAM, TUNJOK BENDA, KATA SI-MANIS, AMIN, MENGATOR GAMBAR dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 163.

KHAMIS - 4HB SEPTEMBER

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 164
Kanak2 akan dapat menyaksikan akti-

viti2 seperti BERMAIN MUSIK, ALAM SEMULA JADI, BERMAIN BAKUL, BELON SI-MANIS, LUKISAN DARI RUMAH dan CHERMIN SAKTI.

Dalam sudut ALAM SEMULA JADI Chegu Sa'diah akan mengajar kanak2 berkenaan dengan binatang2 yang tinggal di-laut.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 164.

SABTU - 6HB SEPTEMBER

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 165.
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 seperti IKUT KETUA, YANG MANA GANJIL, AMINAH, BERMAIN KERUSI, HALAMAN BERCHERITA.

Di-HALAMAN BERCHERITA Chegu Sa'diah akan bercerita berkenaan dengan sa-ekor lembu yang sakit.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 165.

Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

RABU

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05—Sinaran Wahyu; 6.30—Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00—Bengkel Radio (SU); 8.30—Permintaan Pagi Rabu; 9.30—Lagu dan Senikata; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Surat dari London; 10.30—Autograph Pendengar; 11.00—Teman Mekar; 11.30—Bingkisan Tanah Ayer—Azan Dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Penyanyi Harapan; 1.30—Menjelang Rehat. **PETANG:** 2.00—Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00—Untok Belia; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Senandung Asli; 6.00—Mukkaddam, Azan Bingkisan Hari ini/Menunaikan Sembahyang. **MALAM:** 7.00—Seiring Jalan; 7.30—Siswazah Brunei (SU); 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—Melayu, Dusun, Iban; 8.30—Permintaan Sukaramai; 9.30—Salam Mesra (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05—Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran; 10.25—Doa Restu; 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

KHAMIS

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05—Sinaran Wahyu; 6.30—Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00—Rampai London; 8.15—Hiboran; 8.30—Melody Adek Ku (SU); 9.00—Dendang Antarabangsa; 9.30—Rampai Sari Hiboran (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Selingan 10.30—Permintaan Sukaramai; 11.30—Sinar Chahaya. **T/HARI:** 12.00—Lagu2 Melayu Asli, Azan Dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Chitrawara; 1.30—Mari Menyanyi; 1.45—Menjelang Rehat. **PETANG:** 2.00—Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00—Majallah Ugama/Petikan Soal Jawab Ugama; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Tafsir Al-Koran; 6.15—Mukkaddam, Menunaikan Sembahyang Maghrib. **MALAM:** 7.00—Permainan Gambus; 7.30—Bimbingan Al-Koran, Azan Isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—Melayu, Dusun, Iban; 8.30—Sandiwara Radio (SU); 9.00—Hidayat; 9.30—Tetamu Minggu ini (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05—Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran; 10.20—Doa Restu; 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

JUMAAT

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05—Sinaran Wahyu; 6.30—Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00—Pertanian dan Perikanan; 8.30—Mari Menyanyi (SU); 8.45—Selingan Irama; 9.00—Pelajaran Dewasa Di-Udara; 9.30—Tafsir

Al-Koran (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Soalan Di-Udara; 10.30—Dari Kampung Ka-Kampung; 11.00—Bimbingan Al-Koran (SU); 11.30—Keluarga Jaya. **T/HARI:** 12.00—Lagu2 Dakwah; 12.15—Bachaan Al-Koran; 12.30—Menunaikan Sembahyang Fardhu Jumaat; 1.15—Qasidah; 1.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45—Permainan Gambus (SU). **PETANG:** 2.15—Varia Peristiwa; 2.30—Ruangan Kitani; 3.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15—Apa Pendapat Awda; 3.30—Panorama Tanah Ayer, Azan Asar; 4.00—Kuiz Ka-Sekolah2; 4.30—Chitrawara (SU); 5.00—Rakaman Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 6.00—Mukkaddam, Bingkisan Hari ini, Menunaikan Sembahyang Maghrib. **MALAM:** 7.00—Cherpen dan Salokan; 7.30—Gurindam Lagu (SU); 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—Melayu, Dusun, Iban; 8.30—Mari Berpantun/Berbalas Pantun (SU); 9.00—Permintaan Sukaramai; 9.30—Majallah Ugama/Petikan Soal Jawab Ugama (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05—Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran; 10.20—Doa Restu; 10.30

SABTU

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05—Sinaran Wahyu; 6.30—Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00—Soalan Di-Udara; 8.30—Dendang Antarabangsa; 9.30—Apa Pendapat Awda (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Waria Peristiwa (SU); 10.30—Saring Jalan (SU); 11.00—Panorama Tanah Ayer (SU); 11.30—Berdendang Dengan Ku. **T/HARI:** 12.00—Rampai Tengahari, Azan Dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Permintaan Hujung Minggu. **PETANG:** 2.00—Pelajaran Dewasa Di-Udara (SU); 2.30—Lagu dan Senikata (SU); 3.00—Hiboran Pilehan; 3.30—Cherpen dan Salokan, Azan Asar; 4.00—Chitra Irama; 4.30—Tunas Pendidek; 5.00—Dunia Minggu Ini; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Senandung Lagu2 Lama; 6.00—Siri Mukkaddam, Bingkisan Hari Ini, Menunaikan Sembahyang Maghrib. **MALAM:** 7.00—Penyanyi Harapan; 7.30—Tunas Pendidek, Azan Isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—Melayu, Dusun, Iban; 8.30—Chitra Irama; 9.00—Pertanian dan Perikanan; 9.30—Dendang Muzika Melayu; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05—Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran; 10.20—Doa Restu; 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

bahyang Maghrib. **MALAM:** 7.00—Dari Kampung Ka-Kampung (SU); 7.30—Treco Combo Band/Suara Berhormoni, Azan Isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—Melayu, Dusun, Iban; 8.30—Purbawara (Diang Dangan); 9.00—Dari Sekolah Ka-Sekolah; 9.30—Titian Sastera/Budaya Kita; 9.45—Senandung Malam; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05—Pimpinan Illahi, Bachaan Al-Koran, Doa Restu; 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

AHAD

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05—Sinaran Wahyu; 6.30—Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00—Dunia Wanita; 8.30—Pesta Pop; 9.00—Taman Mekar; 9.30—Apa Pilehan Awda; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Titian Sastera/Budaya Kita; 10.30—Pencharagam Tempatan; 11.00—Siswazah Brunei; 11.30—Album Penyanyi. **T/HARI:** 12.00—Sandiwara Radio, Azan Dzohor; 12.30—Hiboran Rampai; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Combo RTB/Bintang Kechil; 1.45—Pilehan Instrumental. **PETANG:** 2.00—Pulis Diraja; 3.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15—Mari Berpantun/Berbalas Pantun, Azan Asar; 3.45—Sokan dan Olahraga; 4.15—Dari Sekolah Ka-Sekolah (SU); 4.45—Pilehan Juruhebah; 5.00—Rakaman Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 6.00—Mari Berzikir; 6.15—Bingkisan Hari Ini, Azan Maghrib, Menunaikan Sembahyang Maghrib. **MALAM:** Suara Parajurit, Azan Isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Melayu, Dusun, Iban; 8.30—Gurindam Jiwa; 9.00—Bengkel Radio; 9.30—Permintaan Sukaramai; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05—Suntingan Hidayah; 10.07—Bachaan Al-Koran; 10.20—Doa Restu; 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

ISNIN

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05—Sinaran Wahyu; 6.30—Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00—Suara Poli Diraja (SU); 9.00—Rampai

Sari Hiboran; 9.30—Antarabangsa (Duty Ann); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Berdendang Dengan Ku; 10.30—Sains dan Perusahaan; 11.00—Hiboran; 11.30—Bingkisan Tanah Ayer (SU). **T/HARI:** 12.00—Komintar Radio; 12.15—Rampai T/Hari, Azan Dzohor; 12.30—Rampai Tengah Hari; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Permintaan Sukaramai. **PETANG:** 2.00—Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00—Keluarga Si-Awang; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Senandung Lagu2 Lama; 6.00—Mukkaddam, Bingkisan Hari Ini, Menunaikan Sembahyang Maghrib. **MALAM:** 7.00—Penyanyi Harapan; 7.30—Tunas Pendidek, Azan Isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—Melayu, Dusun, Iban; 8.30—Chitra Irama; 9.00—Pertanian dan Perikanan; 9.30—Dendang Muzika Melayu; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05—Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran—Doa Restu; 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

SELASA

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05—Sinaran Wahyu; 6.30—Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00—Suara Parajurit (SU); 9.00—Permintaan Untok Wanita; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Rampai London; 10.30—Melody Adek-ku; 11.00—Hiboran; 11.30—Salam Mesra. **T/HARI:** 12.00—Hiboran Tengahari, Azan Dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Tamu Minggu ini; 1.30—Ku sampaikan Salam. **PETANG:** 2.00—Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00—Rakaman Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Hiboran Petang; 6.00—Mukkaddam, Bingkisan Hari Ini, Menunaikan Sembahyang Maghrib. **MALAM:** 7.00—Ruangan Ketani (SU); 7.30—Album Penyanyi (SU), Azan Isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—Melayu, Dusun, Iban; 8.30—Pencharagam (SU); 9.00—Dunia Wanita (SU); 9.30—Keluarga Jaya (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05—Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran; 10.20—Doa Restu; 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

WEDNESDAY **AM:** 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. **11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. NOON:** 12.00 — Melody Time. **PM:** 12.30 — News; — International Money Programme; 1.00 — The Big Band Sounds; 1.30 — Close Down. **8.00 — Opening Announcement — Midweek Greetings by Jaafar Yaakub; 8.45 — Dateline; 9.15 — News; 9.30 — It's All Yours by Ideris Ali; 10.00 — Close Down.**

THURSDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. **11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon; 11.45 — World of Education. NOON:** 12.00 — My Music — 234/241; 12.30 — News; 12.45 — Frank Muir Goes Into; 1.15 — Radio Doctor by Ideris Ali; 1.30 — Close Down. **8.00 — Opening Announcement — Sixty-Minute Theatre: "Dog In A Manager" by Jill Hyem; 9.00 — Break for Music (repeat); 9.15 — News; 9.30 — International Prize Winners of the ARD Competition in Munich, Programme: 8 M. Marshall; 10.00 — Close Down.**

FRIDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. **11.00 — Opening Announcement — English Literature for 'O'**

Level: Great Expectations Programme 4; 11.45 — Light Music From The Netherland. **NOON:** 12.00 — Radioscope by Vivianti Ali; **PM:** 12.30 — News; 12.45 — John Fox Presents; 1.15 — The Early Days of Flying—Prog: 4, Pilots at Sea; 1.30 — Close Down. **8.00 — Opening Announcement — Radio Doctor (repeat); 8.15 — Calling On You by Sheikh Abbas; 9.00 — BBC World Report; 9.15 — News; 9.30 — Dr Finlays Casebook; 10.00 — Close Down.**

SATURDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. **11.00 — Opening Announcement — The Hitch Hiker's Guide to the Galaxy; 11.30 — International Call. NOON:** 12.00 — Stringsound. **PM:** 12.30 — News; 12.45 — Nice to Know You by Jaafar Yaakub; 1.30 — Close Down. **8.00 — Opening Announcement — The Practical World; 8.15 — Saturday Mail Bag presented by Ak Hisamuddin; 9.00 — Book Club; Taken at the Flood by Agatha Christie; 9.15 — News; 9.30 — Top of The Pops; 10.00 — Close Down.**

SUNDAY

